USTAZ ASHAARI MUHAMMAD

سياق مجدّد قرون ك 15

Siapa Mujaddid Kurun Ke 15?

صوت الارقم

SHOUTUL ARQAM

1 MUJADDID DAN PERANANNYA

memberitahu yang dianya mujaddid, sepertimana wahyu turun pada Nabi dan Rasul, memberitahu tentang kenabian dan kerasulan mereka.

Jadi kaedah tertentu untuk menentukan mujaddid secara tepat dan muktamad memang tidak ada. Sebab itu kadang-kadang para ulama yang hidup di abad itu pun tidak berani menentukan mujaddid di abad mereka secara tepat dan muktamad. Mereka hanya mengagak atau mengandaikan kemungkinan seseorang itu mujaddid. Sebab itu terdapat perbezaan pendapat antara ulama-ulama itu tentang siapa mujaddid untuk abad itu.

Syarat yang diberikan oleh ulama itu dalam mengandaikan atau menentukan seseorang mujaddid ialah:

1. Lahirnya di awal kurun.
2. Kewibawaan yang menonjol di banding dengan ulama-ulama lain.
3. Ilmunya lebih daripada ulama-ulama lain.
4. Ketaqwaannya dan akhlaknya lebih halus daripada ulama-ulama lain.
5. Perjuangan, keberanian, kegigihan dan kesabarannya melebihi seluruh ulama-ulama zamannya.
6. Bertaraf mujtahid.

Berdasarkan ciri-ciri di atas, maka para ulama sezaman memberi tanggapan bahawa seseorang itu ialah mujaddid.

Tapi berlaku juga dalam sejarah bahawa seorang mujaddid itu menyedari dia adalah mujaddid, maka di-umumkanlah atau diisytiharkanlah dirinya sebagai mujaddid di zaman itu. Antara mereka yang berbuat demikian ialah Imam Ghazali rahimahumullah taala. Ini ada diisyaratkan

SEKALIPUN macam-macam usaha dibuat oleh musuh untuk menghapuskan terus Islam dan umat Islam dari dunia ini, namun usaha itu tidak akan berhasil sepenuhnya. Allah tidak akan membiarkan agama-Nya lenyap dari bumi ini. Lihat jaminan yang diberikan oleh Allah:

يُرِيدُونَ أَن يُطْفِـُٔوا۟ نُورَ ٱللَّهِ بِأَفْوَٰهِهِمْ وَيَأْبَى ٱللَّهُ إِلَّآ

أَن يُتِمَّ نُورَهُۥ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْكَٰفِرُونَ ○

Ertinya:

Mereka (orang kafir) ingin untuk memadamkan cahaya Allah (agama Islam) dengan mulut-mulut mereka. Sedangkan Allah akan menyempurnakan agama-Nya sekalipun dibenci oleh orang-orang kafir

AT TAUBAH: 32

Untuk tujuan memelihara dan menyempurnakan agama-Nya itu Allah S.W.T menentukan satu cara tertentu. Cara itu

diberitahu pada kita melalui lidah Rasul-Nya, dengan sabda baginda:

او كما قال

لا تزال طائفة من امتي ظاهرين على

الحق لا يضرهم من خالفهم حتى يأتي امر الله

Ertinya:

Sentiasa ada satu (golongan) toifah yang sanggup melahirkan kebenaran, tidak akan memudaratkan mereka oleh orang-orang yang menyalahinya, hinggalah sampai datang perintah Allah (kiamat).

Tegaknya toifah itu adalah dengan cara ini:

او كما قال

إن الله يبعث لهذه الامة من يجدد لها دينها

على رأس كل مائة سنة

Ertinya:

Sesungguhnya Allah membangkitkan bagi umat is/am seorang mujaddid yang membaharui agama (Islam) daripada se tiap awal kurun.

Dengan jaminan Allah dan Rasul-Nya tadi maka berlakulah di sepanjang zaman proses menghidupkan kembali agama Islam oleh satu toifah dengan dipimpin oleh seorang mujaddid (pembaharu ugama). Hampir seribu lima ratus tahun sudah kita ditinggalkan Rasul, dan umat Islam sejak itu berhadapan dengan berbagai-bagai ancaman dan tekanan budaya, perubahan fikiran dan keadaan zaman, namun Islam

macam-macam cabaran dan tekanan, namun mereka tidak berundur. Melalui merekalah Islam berkembang.

4. Para Mujaddid.

Orang-orang yang dilahirkan di tiap:tiap awal kurun, yang dapat membaharui semula pengetahuan ugama Islam, semangat dan kesedarannya serta sedikit sebanyak amalan-nya yang telah dimatikan orang. Merekalah yang memulakan perjuangan Islam untuk kurun itu yang kemudian disambung-sambung usaha itu oleh kumpulan yang disebut di atas tadi. Mujaddid adalah penting dan menjadi harapan kita untuk datang menghidupkan ugama yang sudah hampir mati kini. Atas dasar itulah maka buku ini saya keluarkan untuk saudara.

Erti Mujaddid

Mujaddid adalah istilah Arab, yakni ism fa'il. Ertinya pembaharu atau orang yang membuat pembaharuan atau membawa pembaharuan (reformer).

Mujaddid yang kita maksudkan di sini ialah seorang pemimpin atau tokoh yang muslim lagi bertaqwa yang lahirnya di awal setiap kurun dan kepimpinannya mampu menghidup-kan kembali semangat Islam dan sedikit sebanyak dapat meningkatkan amalannya hingga ke taraf antarabangsa.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa agama Islam sentiasa ditekan dan ditindas oleh musuh-musuhnya. Sejarah mencatatkan bahawa memang ada segolongan (toifah) yang mempertahankannya. Tapi itu tidaklah sekuat mana, kerana serangan-serangan yang lebih kuat maka Islam dan umatnya jadi lemah dan lebih lemah di hujung-hujung sesatu kurun. Maka dengan Rahmat Allah,

PUSAT SUMBER
Penerangan Al Arqam Pusat
Sg Penehala, Jln. Damansara
60000 Kuala Lumpur

NO: ***0 l-22-40 '***

Cetakan Pertama: November 1987
Terpelihara

Kulit: Dinie Juri
Layout: Pusat Komputer Al Arqam,

Diterbitkan oleh:
Penerangan Al Arqam,
Sg, Penchala, Jln. Damansara,
60000 Kuala Lumpur.

Dicetak oleh:
Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd.

Ertinya:

Hendaklah kamu menyeru kepada jalan Tuhanmu dengan cara yang bijaksana dan dengan nasihat yang baik. Dan berdialoglah dengan mereka dengan cara yang paling baik.

AN **NAHL: 125**

Cara yang bijaksana dan berhikmah tadi, akan jadi perisai untuk menyedarkan umat Islam dan jadi senjata untuk menyusah dan melemahkan musuh.

Dalam keadaan hujah musuh dapat dipatahkan dan umat Islam kembali sedar akan tanggungjawabnya terhadap agama maka sedikit sebanyak hiduplah semula sunnah Rasul dalam kehidupan sebahagian manusia. Syiar Islam agak berbunga semula di tengah masyarakat. Dan ukhwah lslamiah sedikit sebanyak wujud semula di kalangan umat Islam.

Dengan kata-kata yang lain kedatangan mujaddid adalah kedatangan semula pemimpin umat kepada umat Islam yang sekian lama kehilangan pemimpin. lbarat orang yang tengah tidur dikejutkan, mereka bangun kembali untuk meneruskan kehidupan beragama yang telah ditinggalkan. Atau ibarat si buta yang dapat kembali tongkatnya. Maka dapatlah ia meneruskan perjalanannya yang terhenti sekian lama.

Mereka para-para mujaddid itu membawa “approach”, cara teknik yang baru, sesuai dengan suasana yang ada di zamannya.

Kepimpinan seorang mujaddid bukan saja boleh meningkatkan sedikit amalan Islam di tengah masyarakatnya tapi juga menjadi satu cabaran dan tekanan yang dirasakan oleh musuh-musuh Islam dan pendukung-pendukungnya terutama Yahudi dan Kristian. Kedatangan seorang mujaddid untuk satu kurun itu dibekalkan dengan kelayakan-kelayakan yang diperlukan untuk zaman itu. Ini adalah kerana satu zaman itu berbeza dengan zaman lainnya, yakni kelainan (perbezaan) dari segi kecenderungan manusia, keperluan mereka dan isu penting serta ideologi yang timbul waktu itu. Maka seorang mujaddid yang datang akan membawa Islam menggunakan gaya pendekatan dan teknik serta corak fikiran dan hujah- hujah yang sesuai dan dapat diterima oleh manusia waktu itu.

Inilah keistimewaan seseorang mujaddid itu. Tanpa keistimewaan ini, ada kemungkinan Islam yang dibawanya tidak akan dipedulikan orang. Dalam bab yang akan datang saya akan beri contoh-contoh khusus tentang berbezanya setiap orang mujaddid antara satu sama lain dari segi pendekatan, teknik dan hujah mereka untuk mengalih masyarakatnya dari jahiliah kepada Islam. Untuk memulakan reformasi Islam, gaya pendekatan, teknik dan hujah yang tepat adalah penting sekali. Sebab itu Allah ingatkan:

ٱدْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلْحِكْمَةِ وَٱلْمَوْعِظَةِ
ٱلْحَسَنَةِ وَجَٰدِلْهُم بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ ○

KANDUNGAN

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونعوذ
بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات اعمالنا من
يهدى الله فلا مضل له ومن يضلله فلا هادى له
والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه
ومن تبعه ووالاه .

JAHANAMNYA dunia dan manusia hari ini sudah begitu ketara. Sama seperti hancur leburnya manusia clan dunia di zaman jahiliah, zaman sebelum kedatangan Rasulullah. Penyembahan berhala, pemujaan akal fikiran, pemujaaan pemimpin dan pengabdian diri pada nafsu dan syaitan bukan saja di kalangan orang-orang kafir, tapi oleh umat Islam sendiri. Allah S.W.T selaku Tuhan Pencipta alam dikira seperti tidak berfungsi apa-apa malah dibuat semacam tidak ada atau tidak dipeduli.

BENAR sebagaimana disabdakan oleh Rasul bahawa akan lahir seorang mujaddid di setiap awal kurun, maka setelah satu abad kewafatan Rasul, lahirlah mujaddid pertama di dunia ini. Dan itu berulang lagi untuk kurun-kurun berikutnya, dua, tiga, empat dan seterusnya. Ertinya hingga kini sudah 14 abad berlalu maka 14 oranglah sudah mujaddid lahir ke dunia.

Sebelum menyebutkan siapakah para mujaddid yang telah lahir itu, perlu dulu dijelaskan bagaimanakah cara menentukan seseorang itu mujaddid atau tidak.

Al-Quran dan Hadis tidak menyatakan dengan tepat siapakah mujaddid itu. Siapa namanya dan dari mana datangnya. Malah tidak juga ada satu firman Allah atau sabda Rasul yang menyebutkan apakah ciri-ciri mujaddid itu. Kerana itu para ulama tidak ada panduan yang tepat dalam menentukan siapakah mujaddid di satu-satu kurun. Malah ,individu mu- jaddid itu sendiri pun tidak tahu apakah dia mujaddid atau tidak. Sebab seorang mujaddid bukannya bertaraf nabi dan rasul. Jadi tidak ada wahyu yang

2 .MENENTUKAN MUJADDID

Syariat Islam langsung tidak diperdulikan lagi, malah dipersendakan sebagai ketinggalan zaman, kolot dan tidak bertamaddun. Bukan saja orang bukan Islam, hatta orang Islam sendiri malu untuk mengaku Islam apa lagi untuk mengamalkannya. Bahkan ulama-ulama pun ada yang malu hendak lahirkan Islam. Maka terjadilah di seluruh dunia kini manusia sedang menyembah nafsu. Arak jadi minuman ringan, judi jadi mainan, zina dan rogol jadi satu sukan, penjajan seks oleh wanita lumrah dilakukan, nyawa dan darah manusia diperdagangkan, gila kuasa dan gila harta dianggap hobi yang diperlumbakan, peperangan jadi kemestian dan semuanya sedang berarak membawa dunia menuju kepada kehancuran tamaddun dan kemuliaan manusia.

Siapa yang dapat diharapkan untuk menyelamatkan kembali dunia ini? Yang mampu mengalih dunia dan manusia agar kembali pada tamaddun kemanusiaan dan kemuliaan? Agar semuanya kembali sujud pada Allah, hidup aman damai, berkasih sayang, berlumba-lumba berbuat kebaikan mencari keredhaan Allah dan kebahagiaan di akhirat, membanyakkan ibadah, sedekah, pemurah, zuhud, merendah diri, berbaik sangka, bantu membantu dan lain-lain akhlak yang mulia. Agar peperangan dapat dihentikan, jenayah dapat dibendung, zina dan rogol serta kelahiran anak haram dapat dihapuskan. Agar judi dibenci, arak dan dadah dibuang jauh-jauh, berhala dan patung dimusnahkan, riba dan rasuah dihindarkan, tipu dan belit ditamatkan dan agar perempuan jadi suri-suri yang sopan, malu serta bertanggunhjawab membangunkan ummah.

Siapa yang mampu memikul beban berat ini? Sedangkan pendokong-pendokong kedurjanaan itu menggunakan segala kemodenan sains dan teknologi untuk menjayakan usaha jahat mereka. Atom dan nuklear jadi ancaman pada siapa yang mahu angkat kepala depan mereka. Sementelahan pula

tabung ekonomi dunia berada dalam tangan mereka, yang mana umat Islam, untuk dapat sebuah rumah pun terpaksa berulang alik mengemis mengharapkan kasihan belas dari mereka. Sebenarnya umat Islam sedang bergelut ketakutan .di pangkuan musuh-musuh Allah itu. Siapa yang layak untuk menentang gergasi dunia kini dan membawa manusia kembali kepadaTuhan?

Kalau bolehlah manusia Muhammad Rasulullah itu datang lagi, tentulah dia yang akan bangun. Dialah yang layak untuk memulakan kembali revolusi tauhid pada dunia ini. Tapi sayang, dia sudah tiada. Walhal kiranya seratus tahun saja lagi dunia ini dibiarkan begini, kita takut bahawa nanti langsung tiadanya orang yang menyebut Allah di bumi ini. Manusia akan terus berbunuh-bunuhan dan terus bergelumang dalam keji dan mungkar.

Tuhan,
Dada bumi mengharapkan
Tibanya tangkisan ghaib dari udara,
turunnya tangan kuat
yang kuasa menyapu kegelapan
dan mengangkat kaum-kaum yang lemah.

Allah S.W.T. tentu tidak mensia-siakan harapan ini. Seperti mana tersebut dalam sejarah bahawa apabila telah rosak manusia-manusia di satu zaman, maka Allah pun mengutuskan orang-Nya untuk membetulkan keadaan. Sekali pun Nabi penutup (Khatimul Anbiya') sudah lahir dan sudah wafat, ertinya selepas itu mustahil ada nabi lagi, tapi cuba lihat sabda Rasul ini:

gah tulisan itu. Hingga ke saat ini kejahilan itu terbiar berlalu begitu sahaja.

Yang sebenarnya telah ditetapkan .oleh ahli-ahli sejarah kalangan ulama Islam para mujaddid yang telah datang ke dunia ini.

Dalam lhya lmam Ghazali ada disenaraikan mujaddid-mujaddid yang telah lahir hingga setakat kurunnya.

1. Umar lbnu Aziz
2. Imam Shafie
3. lmam Abul Hassan Al Asyaari
4. Abu Bakar Al Baqilaani
5. Abu Hamid Al Ghatali

lmam Sayuti ada berkata dalam kitab 'Araraddu ala man akhlada ilal ardh'(الـرد إلى من أخـلد إلى الأرض) iaitu:

1. Umar bin Aziz (wafat 101 Hijriah)
2. lmam Syafie (wafat 204 Hijriah)
3. Abul 'Abbas bin Suraij (wafat 306 Hijriah)

Tapi Imam Sayuti menyebutkan pendapat ulama lain dalam kitab di atas yang menyatakan mujaddid kurun ke tiga ialah lmam Abu Hassan Al Asyaari yang wafat (tahun 324 Hijrah). Ulama yang menyebut itu ialah Abul Qasim bin Asakir dan lmam Al Shafie dan lain-lain daripada ahli Tahqiqi.

4. Sahal bin Muhammad As So'luuki.

او كما قال

يبعث الله لهذه الامة على كل راس مائة سنة
من يجدد لها امر دينها

Ertinya:

Allah akan mengutuskan setiap di awal- kurun orang yang membaharui urusan agama.

Apa yang dimaksudkan ialah di setiap seratus tahun Allah akan mengutuskan seorang hamba-Nya ke dunia, yang tugasnya ialah menghidupkan kembali ajaran Islam untuk kurun itu. Sesuai dengan tugasnya maka orang-orang itu disebut MUJADDID. Empat belas abad sudah berlalu (selepas hijrah Rasul). Ertinya sudah empat belas orang mujaddid lahir ke dunia. Kita kini berada di awal kurun ke lima belas. Maka untuk kita juga akan lahir seorang mujaddid. Orang inilah yang kita tunggu-tunggu, yang akan menyapu bersih segala zulmat dan menerangkan dunia dengan cahaya Ilahi. Kita wajib percaya malah patut menunggu-nunggu ketibaannya. Malah bersedia untuk bersamanya membaiki dunia dan manusia seluruhnya.

Siapa mujaddid kurun ke. 15? Itulah persoalan penting buku saya ini. Sudah lahirkah dia? Kalau sudah siapa orangnya dan kalau belum, bilakah kelahirannya? Seberapa daya, saya akan memperjelaskannya. Sepanjang buku ini anda akan mengembara bersama saya memikirkan kemungkinan-kemungkinan tersebut. Barangkali terlalu awal untuk kita memikirkannya, tapi tentu bukan satu kesalahan. Malah kalau ianya satu kebenaran, maka kita akan jadi orang-orang awal yang menerima dan meyakini kebenaran ini. Kiranya tidak tepat, sekurang-kurangnya idea ini membantu anda untuk mencari yang lebih tepat.

Allahlah yang telah mengizinkan saya untuk mempersembahkan buku ini pada saudara. Diberi-Nya kesihatan badan dan akal fikiran, kelapangan masa serta sedikit ilmu pengetahuan untuk menyiapkan buku ini. Mudah-mudahan memberi faedah pada bangsaku, bangsa Melayu dan umat Islam seluruhnya. Mudah-mudahan bertambahlah lagi khazanah atau perbendaharaan ilmu pengetahuan kita.

Moga-moga Allah terima amalanku ini sebagai amalan yang ikhlas. Diberi-Nya taufik dan hidayah serta diampunkan sekiranya terdapat Huzuzhun nafsi, yakni mazmumah yang datangnya ke dalam hati seperti desiran semut, susah untuk dikesan dan susah untuk dibuang.

Pahala dari ibadah ini, ya Allah, hamba persembahkan pada Allahyarhamu huma dua ibu bapaku yang tercinta, juga guru-guruku yang kukasihi yang telah mendidik aku serta mereka yang pernah berjaya padaku.

Hendaknya jadilah amalan ini amal solehku dan menfaatnya adalah untuk kita bersama.

Hamba yang hina lagi dhaif,
ASHAARIMUHAMMAD.

DENDAM Yahudi dan Kristian pada ISlam bukannya satu penyakit yang baru dan ringan. Sejak zaman hidup Rasulullah lagi, penyakit ini sudah hinggap di dada-dada Yahudi dan Kristian, dan terus diperturunkan dari jenerasi ke jenerasi hinggalah kini, hampir 1500 tahun sudah. Kejadian mereka terpaksa gulung tikar bantal tinggalkan Madinah, hasil perjuangan Rasulullah bersama orang-orang Ansar dan Muhajirin, menjadi alasan penting kenapa dendam itu kuat membara. Seterusnya kejayaan sahabat menakluk dan mengIslamkan 3/4 dunia yakni sebahagian Eropah seperti Turki, Sepanyol, kemudian menakluk Yaman, sebahagian dari Afrika seperti Tunisia, Maghribi, kemudian menjangkau Cina dan Rusia, akhirnya membelok ke Asia, sekaligus melumpuhkan mereka, menjadi sebab lain untuk mereka sakit hati sungguh dengan kita.

Peperangan besar antara Islam dan Kristian adalah cerita sejarah yang cukup popular. Kalah dan menang silih berganti. Umat Islam pernah mengalami kemenangan besar dan terus menjulang sebagai kuasa agung yang menguasai dan menjadi tuan di dunia. Tapi kemudian, umat Islam kalah teruk di tangan musuh-musuhnya. Segala kuasa terlepas dari

MUQADDIMAH

PRAKATA

mengamalkan ajaran Islam. Hendak sembahyang pun malu, nak tutup aurat pun malu, lebih bangga dengan yoga dan meditasi. Dan itu pun sudah berlaku. Ertinya sudah hancur betul umat Islam, dan sudah berjaya betullah musuh-musuh Islam.

Hingga kini, tidak tertikir lagikah kita umat Islam untuk membela diri? Untuk tebus kembali kekalahan dan untuk bina kembali tamaddun kita dan identiti kita? Untuk benci dan marah betul dengan musuh dan sanggup serah jiwa raga demi menebus kembali maruah dan tamaddun kita.

Kita kini sudah 700 tahun kalah. Sama lamanya dengan tempoh kemenangan Islam iaitu 700 tahun yang pertama. Maka abad ini ialah abad penentu, akan terus kalah atau akan bangkit kembali untuk memulakan kemenangan Islam. Untuk lagi sekali jadi penguasa di bumi dan tuan-tuan yang memegang tampok pemerintahan, ekonomi, pelajaran, perhubungan dan segala-galanya?

Ini tidak mustahil. Islam mulanya dagang, akan kembali dagang dan dalam kedagangan ini dia akan menghidupkan kembali kegemilangan yang pernah diciptanya. Tapi. untuk memulakan langkah ini bukan kita orangnya. Iman kita,' ilmu kita, ekonomi kita, tenaga kita, senjata kita, barangan kita, dan apa juga milik kita terlalu kecil untuk menentang kegagahan musuh-musuh kita. Kita memerlukan seorang yang kalau pun bukan Rasul atau Nabi, (kerana memang untuk kita tidak ada Rasul dan Nabi lagi) tapi seorang yang keupayaannya, imannya, ilmunya, karomahnya (bukan mukjizat), barakahnya dan kepintarannya adalah keupayaan seorang wali besar (sekurang-kurangnya seperti Sayidina Abu Bakar atau Sayidina Umar).

saja dia sudah ada kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan untuk melaksanakan kerjanya. Kita bukan penonton tapi pembantu, seperti Nabi Isa a.s. disambut Harawiyyun dan seperti Rasulullah S.A.W didukung oleh Ansar dan Muhajirin.

Persediaan penting kita bukan harta dan tentera. Tapi adalah taqwa. Hanya taqwa yang boleh menjamin keselamatan kita, sebab pertolongan Allah ialah kerana taqwa dan dengan taqwa kita mudah-mudahan Allah percepatkan kedatangannya.

Mungkinkah ini? Ya, mungkin, kerana Quran telah mengisyaratkan kemungkinan ini melalui kisah Thalut dan Jalut. Bani Israel tidak tahan dengan kekejaman Jalut dan penjajah Rom, lalu mengadu pada Allah (melalui Nabi Samuel) akan perlunya untuk mereka seorang pemimpin yang layak untuk menghalau Jalut. Maka Allah terima pengaduan itu dengan memilih Thalut, seorang petani kampung untuk menjadi pemimpin. Seorang yang sungguh tidak diduga dan tidak diharapkan untuk tugas itu. Tapi kemudian Thalut berjaya sekali pun kehadirannya sungguh menimbulkan kontraversi yang besar di kalangan kaumnya, terutamanya orang-orang besar dan orang kenamaannya.

Apa lagi untuk kita, memang sudah dijanjikan seorang pemimpin yang kemampuannya ialah menerangi seluruh dunia dan seluruh manusia dengan Iman dan Islam. Maka lagi besarlah harapan kita untuk mengharap dan menanti kedatangannya. Dialah Mujaddid akhir zaman. Imam Sayuti rahimullah berijtihad bahawa tahun kelahirannya ialah 1407 Hijrah. Dan kita kini berada di tahun itu. Kiranya tidak berlaku pun kerana ijtihad bukan mesti tepat, tapi tentu tidak jauh larinya. Ertinya bukan satu kurun lagi. Tentu dalam kurun ini dan tentu di awal kurun, bukan di tengah dan akhirnya, kerana kelahiran mujaddid itu mesti di awal kurun, maksud hadis: "Akan lahir di setiap awal kurun seorang yang akan membaharui ugama."

Awal kurun ertinya antara 1401 hingga 1425 dan sekarang ialah 1408. Ertinya paling lama ialah 15 tahun lagi. Dan dia akan datang bila-bila masa saja dalam tempoh itu.

Kita umat Islam mesti bersedia untuk menyambut kedatangannya. Macamlah kita bersedia menyambut kelahiran anak yang kita idam-idamkan kelahirannya. Agar bila dia lahir

setiap kali bermulanya awal kurun, maka dilahirkan ke dunia seorang yang akan memimpin umat Islam, untuk menghidup-kan kembali kehidupan Islam (yang telah hampir mati itu) di tengah masyarakat. Orang itulah yang kita sebut mujaddid. Inilah yang disabdakan oleh Rasul:

أو كما قال

إن الله يبعث لهذه الامة من يجدد لها دينها على
رأس كل مائة سنة

Ertinya:

Sesungguhnya Allah membangkitkan bagi umat Islam seorang mujaddid yang membaharui agama (Islam) daripada se tiap a wal kurun.

Kedatangannya bukan membawa agama baru. Apa yang dibawanya ialah apa-apa yang telah dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W. Cuma oleh kerana waktu kedatangannya itu agama Islam sudah begitu asing pada masyarakat Islam sendiri, maka ramai orang menyangka bahawa ajarannya adalah ajaran baru. Ya, mungkin baru untuk kurun itu, tapi pada hakikatnya ajaran beliau adalah ajaran dahulu yang pernah diajar dan diamalkan oleh Rasulullah S.A.W.

Kedatangannya bertujuan untuk menerangkan kembali ugama Islam yang telah pudar. Menghidupkan kembali sunnah Rasul yang telah dilupakan orang. Menguatkan kembali jiwa taqwa yang hampir-hampir mati, dan menyu-burkan kembali semangat beragama yang telah luntur, dan menghubungkan kembali rasa kasih sayang dan persau-daraan yang hampir terputus.

6. Mujaddid kurun 6 : Imam Fakhrurrazi
7. Mujaddid kurun 7 : Ibnu Daqiqi 'Id
8. Mujaddid kurun 8 : Al Balqini
9. Mujaddid kurun 9 : Imam As Sayuti
10. Mujaddid kurun 10 : Imam Muhammad Ar Ramli
11. Mujaddid kurun 11 : Abduflah Salim Al Basri
12. Mujaddid kurun 12 : Ad Dardir
13. Mujaddid kurun 13 : Al Syarqawi

Ada ulama berpendapat bahawa ada berlaku dalam sejarah lahir lebih dari seorang mujaddid untuk satu kurun (mujaddid secara kolektif). Tapi kebanyakan dari kurun-kurun itu hanya seorang saja mujaddid yang lahir.

Perlu diingat bahawa nama-nama mereka yang disebut mujaddid di atas, bukanlah ditunjuk oleh Allah dan Rasul. Telah kita katakan bahawa Al Quran dan Hadis tidak menamakan siapakah mujaddid untuk tiap-tiap kurun. Hadis hanya mengatakan:

ان الله يبعث لهذه الامة من يجدد لها دينها
على رأس كل مائة سنة

Ertinya:

Sesungguhnya Allah membangkitkan pada permulaan setiap seratus tahun bagi umat (Islam) ini seorang Mujaddid yang membaharui agama inj(yakni memperbaiki dan menguatkannya setelah ia menjadi lemah di kalangan umat itu.) (Riwayat Al Hakim, At Baihaqi, Ibnu Hajar, Abu Daud, Al Iraqi).

أو كما قال

أعطيت خمسا لم يعطهن أحد من الأنبياء قبلي
أرسلت إلى الأحمر والأسود. وجعلت لي الأرض
مسجدا وطهورا ونصرت بالرعب مسيرة شهر وأحل
لي المغنم. وأعطيت الشفاعة فادخرتها لأمتي

'Aku telah diberikan lima macam yang tidak pernah diberikan pada seorang nabi pun sebelumku: Aku diutus kepada semua manusia kulit putih atau berwarna dan dijadikan untukku bumi sebagai masjid dan pensuci dan ditolong aku dengan ditakuti musuh yang jauhnya kejadian sebulan dan dihalalkan un tukku makan hasil gha nimah: perang, dan aku boleh memberi syafaat maka aku simpan (tangguhkan) kelak untuk umatku (diakhirat)."

Sikap begini, bukanlah mengangkat diri, membangga dan megah. Mustahillah Rasul berhati demikian. Kata-kata itu adalah lahir dari jiwa yang suka menyebut dan menceritakan nikmat yang Allah kurniakan pada baginda.

Atta Hadduth bini'matillah.

التحدث بنعمة الله

(menceritakan akan nikmat Allah).

Sifat ini adalah dibenarkan malah termasuk sifat hati yang baik. Demikianlah para Rasul dan Waliyullah, hati mereka sentiasa bergerak ke arah menyebut dan memuji Allah, tanpa

Ada juga mengatakan Abu Hamid Al Isfaraaini. Ada pula orang berkata Al Qaadi Abu Bakar Al Baqilaani. Ini pendapat Ibnu Asakir dan selainnya.

5. Imamul Ghazali (tidak ada khilaf) yang wafat pada 505 Hijriah.
6. Al Imam Fakhrudin Al Razi (wafat tahun 606.Hijriah).
7. Taqiyuddin bin Daqiqul 'Id (wafat tahun 702 Hijriah).
8. Sirajudin Al Balqiini.

Ada juga orang kata Nasiruddin bin Bintul Malik As Syazali. Boleh jadi juga Asy Syeikh Zainuddin Al Iraaqi yang yang wafat (806 Hijriah, Imam Sayuti berkata lagi boleh jadi ketiga-tiga orang sekali jadi mujaddid sebab mujaddid bukan mesti seorang. Ada kala seorang ada kala beberapa orang, seperti Umar Ibnu Aziz dan Imam Syafie mengikut ijma' Muhaqqiqin.

Ada kala dua orang atau secara Jemaah kerana tidak dapat ditentukan siapa sebenarnya mujaddid di kurun itu.

Kurun ke 9: Imam Sayuti buat pengakuan: *"Sesungguhnya aku berharap dengan sebab-sebab nikmat Allah dan kurniaan-Nya sepertimana Imam Ghazali mengharap bagi dirinya sesungguhnya akulah orang yang diutus di awal kurun yang ke 9 ini. Kerana akulah satu-satunya yang mempunyai lautan di semua bidang ilmu pengetahuan."*

Dalam kitab Ar raddu ila man akhlada ilal ardh, ada pertanyaan mengapa ditentukan di awal kurun saja ada mujaddid? Mengapa pembaharuan berlaku di awal kurun sahaja? Kerana mengikut kebiasaannya para ulama pada masa 100 tahun mereka berpecah dan terbiarnya sunnah dan lahir perkara bid'ah. Maka di waktu itu perlu adanya pembaharuan

dalam kiiab Al Munkizhu Minaddholal (المنقذ من الضلال) . Diikuti oleh lmam Sayuti rahimahumullah taala, mengaku dan mengisytiharkan dirinya sebagai mujaddid kurun ke 9. Ini terdapat dalam kitab berjudul Al Raddhu ‘ala man akhlada ilal ardh (الرد على من اخلد الى الارض)

Sikap beliau-beliau ini telah menimbulkan kontraversi terutamanya di kalangan ulama sezaman mereka. Mereka dituduh telah mengangkat diri sendiri dan sebab itu tidak disenangi dan ditentang oleh ulama-ulama lain. Padahal kalau kita nilai dengan ilmu, tanpa diganggu oleh apa-apa sentimen, tindakan beliau-beliau itu tidaklah terkeluar daripada sunnah Rasul bahkan harus hukummya. Sebab Rasulullah sendiri pernah menyatakan kebaikan dirinya, dengan sabda-sabda baginda:

انا سيد ولد ادم يوم القيامة ولا فخر وبيدي لواء الحمد ولا فخر وما من نبي يومئذ آدم فمن سواه الا تحت لوائي وانا اول من تنشق عنه الارض ولا فخر وانا اول شافع واول مشفع ولا فخر

Aku adalah penghulu manusia pada hari kiamat dan tidaklah aku bermegah-megah dan di tanganku ada bendera pujian dan tidaklah aku bermegah-megah dan tidaklah ada nabi pada hari itu selain Adam maka orang yang selainnya di bawah benderaku dan akulah orang yang pertama orang yang membelah bumi dan tidak aku bermegah-megah dan akulah awal (permulaan) orang yang memberi syafa’at dan awal (permulaan) yang mendapat syafa’at dan tidak bermegah-megah.

sifat-sifat tinggi diri dan bermegah-megah. Tapi berbeza dengan hati kita. Dalam mulut tidak menyebut pun hati kita selalu terasa kita istimewa, apa lagi kalau sampai terucapkan, tentu sudah lebih-lebih sangat sifat ujub dan berbangga-banggaan itu.

Berbalik pada tindakan Imam Ghazali dan Imam Sayuti, mengisytiharkan diri mereka sebagai mujaddid itu, sebenarnya ada termasuk dalam sifat Atta Hadduth bini'matillah (التحدث بنعمة الله). Kerana menilai-nilai serta mengingat segala pemberian Allah yang ada pada diri mereka, dipadankan pula dengan syarat-syarat atau kelayakan-kelayakan untuk menjadi mujaddid, maka oleh kerana benarlah demikian, maka mereka pun memberitahu orang ramai bahawa Allah mengurniakan mereka darjat seorang mujaddid. Dan ini tidak salah malah hukumnya adalah harus.

Atas dasar itulah maka selain kedua-dua mujaddid tadi, maka Imam Syaarani juga pernah melakukan Atta Hadduth bini'matillah (التحدث بنعمة الله) ini. Kata-kata beliau itu ditulis dalam kitabnya Tan bihul Mughtarrin (تنبيه المغترين) begini bunyi maksudnya:

> *"Tidak ada di kalangan pemuda di zaman ini yang baik akhlaknya selain aku."*

Diikuti pula oleh As syahid Hassan Al Banna, turut menceritakan kurniaan Allah padanya dengan katanya, "Setelah jatuhnya kerajaan-kerajaan Islam di tangan bangsa-bangsa asing, maka sejak itu tidak pernah wujudnya perpaduan dan ukhwah di kalangan masyarakat Islam kecuali setelah ujudnya Jemaah Ikhwan Muslimin."

Dengan hujjah-hujjah di atas, maka bolehlah saya tegaskan sekali lagi bahawa pengisytiharan diri sendiri sebagai mujaddid di kurunnya oleh Imam Ghazali dan Imam Sayuti bukan sikap yang keterlaluan dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Dalam menentukan mujaddid, syarat terpenting yang ditunjuk sendiri oleh Rasulullah ialah lahirnya di awal kurun. Seseorang yang bagaimana hebatnya pun kewibawaannya, ilmu, taqwa dan keberaniannya serta perjuangannya, tapi lahirnya tidak di awal kurun, maka dia bukanlah mujaddid. Tapi telah terjadi dalam sejarah, orang-orang yang menentukan seseorang itu sebagai mujaddid walhal dia itu kelahirannya bukan di awal kurun. Cbntohnya Jamaluddin Al Af Ghani dan Mohd Abduh. Mereka dikatakan mujaddid walhal mereka ini lahir bukan di awal kurun. Begitu juga Shah Waliyullah, Ad Dahlawi dan Syeikh Ahmad.

Kita tidak boleh menerima kenyataan mereka itu, kerana nyata perkara itu bercanggah dengan hadis, yang menyatakan kelahiran mujaddid mesti di awal kurun. Orang-orang yang berkata begitu kalau tidak jahil, adalah kerana rasa fanatik yang keterlaluan pada ulamà tadi. Memang sikap fanatik yang melulu memungkinkan seseorang bertindak di luar garis panduan.

Lebih dahsyat lagi, telah berlaku di Malaysia sendiri, satu masa dulu, seorang penulis telah menulis dalam akhbar dengan panjang lebar menyatakan Tun Abdul Razak adalah mujaddid. Ini sungguh memalukan kita, malah saya kira Tun Razak sendiri pun malu. Tapi sedih sekali, tiada seorang ulama pun di Malaysia ini yang mahu atau berani menyang-

3. SIFAT DAN KELEBIHAN PARA MUJADDID

. beruzlah, pergi menghabiskan masa untuk mujahadatunnafsi dan beribadah pada Allah. Sebelum berangkat untuk berkelana dan beruzlah, segala harta kepunyaannya diagihagihkan kepada anggota masyarakat yang memerlukan bantuan., Sebahagian dihantar ke baitulmal, sebahagian ditinggal untuk keluarga. Sebahagian lagi dibawa berkelana. Beliau beruzlah tidak kurang 10 tahun lamanya dengan melakukan ibadah, baca Al-Quran, zikir, serta membersih hati daripada sifat mazmumah. Di antara tempat yang beliau sempat beruzlah ialah:

1. Di atas menara masjid Damsyik.
2. Di Kubah Masjid Baitul Maqdis.
3. Di Tanah suci Mekah sambil menunaikan haji dan ziarah maqam Rasulullah S.A.W.
4. Di Baghdad (yakni di negara sendiri untuk terus beruzlah dan berkhalwat).

Selepas 10 tahun beruzlah itulah Imam Ghazali dapat kekuatan jiwa yang luar biasa. Allah perlihatkan perkara-perkara yang pelik dan ghaib, seperti melihat para Malaikat dan Roh Nabi secara jaga (yakazhoh), serta mendengar ucapan-ucapan mereka. Dan dalam uzlah atau selepas uzlah inilah beliau dapat menulis sebuah kitab agung yang terkenal dan dibaca merata-rata hingga ke hari ini, terutama di kalangan mazhab Shafie, iaitu Ihya' Ulumiddin, (menghidupkan ilmu-ilmu agama). Di dalamnya setiap jurusan ilmu pengetahuan dihuraikan tentang hikmah-hikmahnya, diberi roh dan jiwa. Dalam Ihya' ini jugalah Imam Ghazali mempersatukan semula 3 bahagian ilmu iaitu usuluddin, feqah dan tasauf dalam teori dan amalannya, menjadi 3 sahabat yang tidak boleh dipisah-pisahkan. Dan selepas uzlah jugalah, setelah jiwa jadi kuat, hati bersih hingga memperolehi bermacam-macam rahsia ilmu pengetahuan serta sedikit

Sebab itu para ulama berselisih pendapat dalam menentukan mujaddid sesuatu kurun itu. Perselisihan ini akan kita saksikan dalam kitab-kitab. Yang mana terjadi perbezaan nama-nama mujaddid itu pada kurun-kurun yang tertentu. Kadang-kadang terjadi juga setengah-setengah ulama dalam menentukan mujaddid hanya mementingkan keutamaan dan keistimewaan ulama itu hingga melupakan syarat kelahirannya mestilah di awal kurun.

Antara 13 orang mujaddid yang disenaraikan di atas hanya seorang dari mereka itu yang menjadi khalifah yang memerintah negara yakni Sayidina Umar lbnu Aziz, mujaddid yang pertama. Dan saya yakin bahawa nanti mujaddid akhir zaman, juga akan jadi khalifah yang memerintah dan memimpin manusia sedunia.

rahsia tentang alam ghaib beliau tampil semula ke tengah masyarakat, mengajar dan memimpin masyarakat.

Jasa Imam Ghazali dapat mengungkai segala kekusutan ilmu pengetahuan Islam di zamannya serta dapat pula memimpin umat Islam kembali pada kesatuan ummah dan kebenaran Islam serta mengajak manusia beribadah dan berakhlak adalah jasa besar yang tidak akan terbuat oleh seorang ulama biasa. Kedatangannya membawa pendekatan dan teknik yang tepat untuk menyelesaikan masalah umat serta mengisi keperluan mereka itulah yang membolehkan beliau sendiri mengakui bahawa beliaulah mujaddid kurun ke 5.

4. IMAM SAYUTI RAHIMAHULLAHUTAALA
(Mujaddid kurun ke 9)

Nama sebenar Abdur Rahman Jalaludin Assayuti. Dilahirkan pada 849 H di negeri Mesir di satu daerah bernama Asyut. Sempena nama tempat inilah beliau diberi gelaran As-Sayuti. Beliau berada di kemuncak perjuangannya pada awal kurun ke 9 H dan wafat pada tahun 911 H.

Sepanjang hayatnya selama 62 tahun itu Imam Sayuti berada di tengah-tengah kemunduran Islam dan umat Islam. Baghdad sudah hampir 200 tahun dijajah oleh Mongol di bawah pimpinan Holako. Segala khazanah ilmu pengetahuan dan tamaddun Islam habis dimusnahkan. Ulama-ulama ramai yang dibunuh. Maka umat Islam kucar-kacir dan kacau-bilau di bumi sendiri. Suasana politik Sentiasa begolak, bertukar ganti dan tidak menentu selama hayatnya. Imam Sayuti menyaksikan naik turunnya 13 orang raja yang memerintah Mesir. Semuanya dari keturunan Al-Mamalik (hamba). Pernah dalam setahun Mesir diperintah oleh 3 orang raja.

kurun dilahirkan seorang ulama yang bertaraf mujaddid. Sebab itu Rasulullah bersabda:

علماء أمتي كأنبياء بني إسرائيل

Ertinya:

Para ulama'ku laksana Nabi di kalangan Bani Israel.

Para mujaddid adalah ulama' pilihan dari kalangan ulama'-ulama' yang begitu ramai di zamannya. Kelebihan mujaddid dari ulama'-ulama' lain di zamannya sepertilah kelebihan Rasul dari para Nabi. Ini adalah kerana mujaddid bertugas selaku benteng kebenaran, dan juga pedang serta perisai umat Islam di zaman itu. Sebab itu Allah kurniakan beberapa kelebihan dan keutamaan pada mujaddid, dibandingkan dengan ulama lainnya. Di antara sifat dan kelebihan itu ialah:

1. Paling alim di zamannya. Kealimannya bertaraf mujtahidin.
2. Berani yang luar biasa.
3. Paling menonjol sifat taqwanya.
4. Sangat zuhud dengan dunia.
5. Lidahnya atau mata penanya tajam, serta pandangannya jauh.
6. Suaranya didengar serta memberi kesan pada masyarakat.
7. Membawa hujjah-hujjah yang payah dipukul oleh lawan dan bagi kekuatan pada kawan.
8. Allah bantu dengan karomah atau ma'unah.

Hingga terkenallah ke seluruh dunia Islam bahawa pegangan tauhid ahli-ahli Sunnah Wal Jamaah adalah berdasarkan pada Mazhab Abu Hassan Asyaari. Begitulah besarnya jasa Imam ini. Dia memulihkan aqidah umat yang hampir-hampir rosak oleh pengaruh ahli falsafah. Kelahirannya benar-benar menjadi benteng Islam, menyelamatkan umat serta menghidupkan kembali Islam yang sebenar.

3. Imam Ghazali Mujaddid kurun ke lima.

Namanya Muhammad bin Muhammad Abu Hamid Al Ghazali. Lahir di Thurs (450H/1058M) dan wafat 505 Hijriah di Baghdad. Beliau berada di satu zaman yang mana telah timbul bermacam-macam firqah dan mazhab. Di dalam kitab Al Munkizu minal dhalal, Imam Ghazali menyebut di antara golongan-golongan yang menonjol di waktu itu:

i. Golongan Mutakallimun (ahli ilmu kalam - ilmu sifat 20 iaitu mereka yang menganggap dirinya sebagai ahli fikir dan ahli bahas).

ii. Golongan batiniah iaitu mereka yang merasakan dirinya orang-orang yang menerima pelajaran (ta'lim) hanya khusus dari imam yang maksum.

iii. Golongan filasof iaitu mereka yang menganggap dirinya sebagaj ahli-ahli logika dan ahli pemberi keterangan.

iv. Golongan sufi dan mistik iaitu mereka yang menganggap dirinya dapat mencapai muqarrobat (dekat pada Allah). Dan juga ahli pengamat dapat memeriksa dan melahirkan sesuatu.

Selain daripada itu para ulama feqah lalai dengan mujadalah (berbahas) hingga cuai beramal serta cinta dunia

Nabi Muhammad S.A.W. bersabda:

العلماء مصابيح الارض وخلفاء الانبياء

وورثتي وورثة الانبياء

(ابن عدي عن علي)

Ettinya:

Para ulama' adalah sebagai pelita (obor) di muka bumi ini, sebagai pengganti para Nabi dan sebagai pewaris tugas aku dan sebagai pewaris para Nabi.
(Hadis riwayat Ibnu 'Ady dari Sayidina Ali r.a)

Kehadiran ulama khususnya Mujaddid adalah sama pentingnya dengan kedatangan Nabi di kalangan umatnya. Sebelum kedatangan Nabi Muhammad dulu Allah mengutus-kan seorang Nabi untuk sesuatu kaum. Tapi selepas wafatnya Rasul, tiada lagi Nabi, maka untuk tiap-tiap umat di tiap-tiap

seperti berebut-rebut untuk jadi ulama raja di istana. Para pengikut dan orang ramai pula fanatik dengan mazhab masing-masing. Sebahagian ahli-ahli sufinya sudah mabuk dengan rasa (zauk). Oleh itu, ada kalanya tindakan mereka sudah tidak selaras dengan ilmu syariat iaitu hukurh-hakam yang berhubung dengan persoalan lahiriah (feqah). Setengah mereka hanya dapat menghafal istilah-istilah sufi, tanpa menghayatinya. Namun mereka merasa dalam kebenaran.

lmam Ghazali lahir di tengah-tengah perpecahan umat zamannya itu. Beliau tidak tertarik untuk menyertai mana-mana golongan, sebaliknya mengambil inisiatif untuk mengkaji tiap-tiap golongan tadi. Beliau mengkaji bersungguh-sungguh hinggalah ke akar umbinya sesuatu kumpulan itu. Al hasil bettemulah oleh beliau salah silap, kelemahan malah kesesatan yang dilakukan oleh golongan umat Islam tadi. Dengan itu dapatlah beliau mencari dan memberi jawapan serta membuat pembetulan di samping menunjuk jalan bagaimana mencari kebenaran.

lmam Ghazali waktu itu sedang menjadi mahaguru (professor) di sekolah tinggi Nizhomiah. Muridnya sekitar 300 orang. Setelah melakukan muhasabah (mengkaji) diri sendiri, beliau merasakan ia juga tidak lepas daripada tujuan mencari nama dan jawatannya yang begitu tinggi di bidang ilmu pengetahuan Islam. la rasa dirinya tertipu dengan amalan baiknya itu. la pun rasa cemas dan takut. Takut kalau-kalau di waktu itulah dia menemui Allah, pastilah dia akan mendapat kemurkaan Allah. Akhirnya jiwanya pun bergolak bersama dilemma antara ingin teruskan kariernya di Madrasah Nizhomiah atau pergi berkelana, beruzlah untuk membaiki diri. Pergolakan ini berlaku selama 6 bulan. Kemuncak daripada konflik jiwa ini lidahnya tidak boleh bercakap lagi. Akhirnya dia menyerah bulat pada Allah dan bertekad untuk

4. SETIAP MUJADDID BAWA MESEJ YANG TEPAT UNTUK ZAMANNYA

tersendiri. Bersama-sama dengan luasnya kawasan pengaruh Islam serta ramai penganut-penganutnya, maka berkembang pesatlah ilmu pengetahuan dalam macam-macam bidang. Termasuklah juga falsafah Yunani mula mengalir ke dunia Islam. Dengan cara buku-buku falsafah mereka diterjemah ke bahasa Arab, kemudian dikaji, diselidiki dan diproses kembali dan disusun semula oleh para ulama Islam. Hingga menjadi hak kepunyaan (milik) Islam. Ertinya di zaman beliau ilmu falsafah sudah begitu berkembang dan mendapat tempat di tengah masyarakat Islam. Akhirnya sedikit sebanyak falsafah Yunani ada juga memberi kesan pada pemikiran ulama Islam waktu itu.

Terutama di kalangan mazhab Muktazilah atau golongan Ikhwanussofa (gerakan bawah tanah - ahli falsafah). Maka timbullah fikiran yang terkeluar daripada batas Al Quran dan Sunnah. Di antara penyelewengan itu ialah mereka mengatakan alam ini qadim sama dengan qadimnya Allah, Allah mengetahui tentang makhluk adalah secara rangkuman (ijmali) bukan secara tafsili (detail). Allah mengetahui setelah wujud sesuatu, sebelum wujud Allah tidak tahu. Makhluk ada kuasa yang memberi bekas (faham Qadariah). Makhluk tidak ada usaha dan ikhtiar (faham Jabariah). Nikmat syurga itu nikmat rohani sahaja bukan nikmat rohani dan jasmani. Allah tidak bersifat, Ia hanya zat semata-mata. Baik dan buruk boleh ditentukan oleh akal bukan wahyu sebab itu manusia tetap diazab walaupun di zaman itu tiada Rasul (zaman ahlul fitrah). Orang yang buat dosa besar tidak boleh dikata mukmin, tidak boleh juga dikata kafir. Maka di akhirat kelak mereka ini ke syurga tidak ke neraka pun tidak. Tempatnya ialah di antara keduanya. Tempat itu terkenal di kalangan mereka sebagai "Manzilan bainal man zilatain" ertinya tempat di antara dua tempat. Seterusnya mereka menganggap Allah itu bertangan, bermuka dan bermata tanpa ta'wil, hanya

9. Sentiasa berjuang dan berjihad dengan lisan dan tangannya.
10. Obor pada ummah Islam di zamannya.
11. Menyedarkan kembali ulama-ulama yang sedang lalai daripada tanggungjawab mereka.
12. Ditakuti oleh lawan dan disegani oleh kawan.
13. Mengejutkan kembali ummah Islam yang sedang tidur.
14. Mempunyai pengikut dan simpati yang ramai.
15. Kepimpinannya memberi kesan pada jiwa dan fikiran dan sikap masyarakat.
16. Sedikit sebanyak menyusahkan pihak musuh.
17. Membenteras pembawa bidaah.
18. Menggugat sistem masyarakat yang sedang diamalkan.

mengikut lahir ayat Al Quran. Inilah fahaman mujassamah atau musyabihah dan lain-lain lagi fahaman yang boleh merosakkan aqidah.

Abu Hassan Asyaari pada mulanya terpengaruh dengan faham Muktazilah bahkan sebahagian gurunya adalah ulama-ulama Muktazilah. Setelah menjadi alim, maka dia buat kajian lagi. Tapi tiba-tiba dengan takdir Allah S.W.T (barangkali kerana Allah mahu selamatkan umat Islam dan agama-Nya), Abu Hassan Asyaari mendapat hidayah dan taufik, maka dia sedar. Ajaran Muktazilah yang terlalu menggunakan akal adalah salah dan menyeleweng dari ajaran Al Quran dan Sunnah. Sejak itu dia pun kembali berpegang dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Beliau pun mulalah menyerang Muktazilah (atau falsafah) dan mempertahankan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Untuk menyelamatkan aqidah ummah beliau pun menyusun satu sistem ajaran usuluddin (tauhid) yang berdasarkan kaedah mantiq (falsafah) • lojika. Terkenal dengan ilmu sifat 20. Setiap sifat Tuhan itu selain daripada dikuatkan dengan dalil naqli (sumber Quran dan Hadis) ia dikuatkan dengan dalil aqli (lojika). Kaedah usuludin yang dicipta oleh Abu Hassan inilah kemudian diterima oleh ulama-ulama ahli sunnah hingga hari ini. Terutama di kalangan penganut Mazhab Shafie, hingga kaedah ini dijadikan mata pelajaran di sekolah-sekolah. Kecuali di akhir-akhir ini ditolak oleh Wahabi, katanya cara ini bidaah.

Namun kita ahli Sunnah Wal Jamaah tetap menerima kaedah usuluddin oleh Abu Hassan Asyaari. Yakni mempelajari sifat-sifat Tuhan yang wajib dan yang mustahil dan yang harus dengan hujjah menggunakan dalil-dalil aqli dan naqli, tidak gunakan dalil akal saja dan tidak gunakan dalil naqal saja.

Sembahyang dicuaikan, akhirat hampir-hampir tidak disebut lagi. Dunia dijadikan matlamat dan diburu pagi petang siang malam. Penyakit ini ditambah oleh sikap ulama-ulama yang turut sama memburu dunia, lalai, lupa untuk mendidik umat dan lupa untuk perjuangkan agama Allah. kalau ada yang berjuang, terlalu kasar, terlalu memikirkan dosa orang lain. Anak isteri terbiar, tidak dididik cara Islam, rumahtangga macam muzium penuh dengan lambang kesombongan. Ulama-ulama yang ada pengikut pula tidak bersungguh-sungguh mendidik pengikut tentang ilmu-ilmu ibadah dan akhlak. Tenggelam dalam sanjungan pengikut, banyak tolak ansur kerana hendak ambil hati.

3. Musuh-musuh Islam yakni Yahudi, Kristian dan Komunis mempunyai kekuatan yang jauh gagahnya dari umat Islam. Bukan saja tidak tertanding, bahkan umat Islam sudah dikalahkan, ditawan dan diperkotak-katik oleh musuh dalam seinua hal; ketenteraan, politik, ekonomi, ilmu pengetahuan dan lain-lain. Tentang senjata misalnya, musuh telah mencipta alat pembunuh manusia yang cukup moden, dahsyat dan menakjubkan. Sedangkan umat Islam kalau ingin, kenalah bell dari musuh-musuh tadi. Dalam pada itu musuh-musuh itu, Komunis dan Kristian menjadi dua kuasa besar yang mana kedua-duanya sangat ditakuti oleh umat Islam.

4. Pembesar-pembesar Islam hidup berpoya-poya dan saling jatuh menjatuhkan kerana hasad dengki dan merebut harta dunia.

Demikianlah teruk dan hinanya umat Islam kini. Tamadun Islam hancur lebur, perpaduan Islam pecah berkecai dan iman tandua di dada umat ditambah dengan kemiskinan, kejahilan, kelemahan dan kejahatan umat Islam kini, hampir-hampir mustahil rasanya kedaulatan Islam dapat dikembalikan ke

Bila mereka berjaya menundukkan manusia-manusia itu, yakni dengan membebaskan mereka dari masalah dan mengisi keperluan mereka, barulah, usaha-usaha menerapkan Iman dan Islam secara ilmu dan amalan boleh dimulakan. Barulah kepimpinan mereka diterima dan usaha-usaha menghidupkan Sunnah mendapat sambutan yang baik dari masyarakat. Oleh sebab kerosakan umat di zaman Rasulullah berbeza dengan umat di kurun pertama, berbeza lagi dengan kurun ke dua dan berikutnya, maka pendekatan awal yang mesti dibuat adalah berbeza antara satu sama lain. Tegasnya dalam hal teknik pendekatan Islam pada manusia, adalah boleh berubah-ubah, mungkin berbeza dengan Rasulullah sendiri. Dan inilah istimewanya mujaddid. Mari kita tengok bagaimana empat orang mujaddid melakukan pendekatan yang berbeza antara satu sama lain.

1. Imam Shafie rohimahumullahu taala.

Ia adalah mujaddid yang kedua dilahirkan di Ghazzah (Syria) dalam tahun 150 Hijriah. Wafat 204 Hijriah. Di zaman ini susunan perundangan Islam (ilmu feqah) sedang mendapat tempat dan sedang menuju hampir ke zaman kematangannya, walaupun kitab-kitab mengenainya belum begitu banyak. Terdapat 2 aliran fahaman tentang ilmu feqah:

i. Aliran feqah: yang kuat bersandar pada ar-rakyu (fikiran). Berpusat di Iraq, dipelopori oleh Imam Abu Hanafiah yang lahir pada (80H/660M). Ajaran beliau disambungkan oleh sahabat-sahabat pengikutnya. Aliran ini banyak bersandar pada ar-rakyu, sebab Iraq letaknya jauh dari tempat lahir Rasulullah S.A.W jadi kurang atau jauh dari ahli hadis. Tambahan Imam Hanafi kurang mengembara (tinggal di Baghdad dan wafat pun di Baghdad). Jadi bila tidak ada hadis mereka sangat bersandar pada ar-rakyu (fikiran). Aliran ini didasarkan pada apa yang diisyaratkan oleh Rasulullah

pula bertukar fikiran dan muzakarah tentang ilmu dengan ulama di sana, terutama ulama yang jadi pengikut Imam Hanafi, ahlul rakyi. Pernah berhijrah ke Mesir dapat pula bergaul serta bermuzakarah ilmu pengetahuan dengan ulama-ulama di Mesir bahkan Mesir merupakan tempat tinggalnya yang akhir dan maqamnya ada di Kaherah. Selain daripada banyak berhijrah serta bergaul dengan macam-macam golongan ulama di waktu kecilnya hinggalah waktu mudanya pernah pula tinggal dengan puak Arab, Kabilah Huzil selama 16 tahun. Kabilah ini ialah satu puak Arab yang terkenal fasih dan mahir di bidang sastera. Sastera Arab mereka itu jadi sebutan dan tiruan kerana baiknya. Imam Shafie dapat mengkaji secara mendalam sastera mereka dan dapat menghafal syair mereka, hingga jadi pakar sastera dan syair. Perlu diingat Imam Shafie juga telah hafal Quran waktu umur 9 tahun dan banyak juga hafal hadis. Gurunya lebih kurang 1000 orang.

Dengan kebolehan-kebolehan menghafal Quran, hafal hadis, faham pula kedua-dua bentuk aliran feqah yang ujud di waktu itu, banyak ilmunya, luas pengalamannya kerana banyak mengembara, mahir di bidang bahasa dan sastera. Ditambah dengan sikap hidup yang zuhud, maka Imam Shafie bangun sebagai penyelamat umat di zaman-nya. Segala kebolehan dan ilmunya dipros s menjadi satu bentuk ilmu feqah yang berada di tengah-t3ngah antara dua aliran tadi. Ertinya Imam Shafie menghasilkan aliran feqah yang ketiga. Aliran (mazhab) yang menjadi jalan tengah antara kedua-dua aliran yang sebelumnya. Yakni menggunakan ar-rakyu tapi tidak keterlaluan (hingga mudah-mudah menolak hadis) di samping tidak terlalu berani menerima hadis selagi tidak diperiksa dengan teliti.

WALAUPUN Islam itu satu dan semua manusia mempunyai kewajipan yang sama terhadap agamanya, tapi usaha-usaha menyampaikan Islam pada manusia tidak boleh dengan satu cara saja. Sebab masalah manusia tidak sama, kerosakan dan kelemahan juga tidak sama malah keperluan dan kecenderungan serta ism dan aliran fikiran manusia antara satu zaman dengan zaman yang lain atau satu generasi dengan generasi yang lain juga tidak sama.

Berhadapan dengan Menteri tentu tidak sama ketika berhadapan dengan orang kampung. Menghadapi ulama tentu tidak sama caranya untuk berhadapan dengan bintang filem. Apa lagi untuk berhadapan dengan masyarakat di satu kurun dengan kurun berikutnya, tentulah tidak sama kaedah, pendekatan, teknik dan hujah-hujah yang digunakan. Kerana itu telah saya katakan sebelum ini, bahawa keistimewaan setiap mujaddid ialah membawa kaedah pendekatan, teknik serta hujah yang tepat kena pada keperluan manusia zaman itu.

dalam sunnah Rasulullah s.a. w." Ia berkata: "Aku akan berijtihad dengan fikiranku". Rasulullah s.a.w. bersabda: "Segala puji bagi Allah yang telah memberi taufiq kepada pesuruh Rasulullah "

(Riwayat At-Turmizi)

Sebab lain kenapa mereka sangat bersandar pada ar-rakyu ialah kerana terlalu berhati-hati menerima hadis. Walaupun ada hadis yang sampai tapi kerana membimbangkan kesahihannya takut berbohong dengan Rasulullah maka ditolaknya dan digunakan ar-rakyu."

ii. Aliran ahlul hadis: Berpusat di Madinah. Pelopornya ialah Imam Malik bin Anas. Berlakunya ini oleh kerana di Madinah banyak orang yang menghafal hadis Raswlullah S.A.W. Jadi Imam Malik aliran feqahnya sangat terpengaruh dengan hadis, kurang menggunakan ar-rakyu (fikiran), bahkan terlalu takut hendak menggunakan ar-rakyu walaupun ketika tidak ada hadis yang sampai padanya. Alasan golongan ini ialah takut membuat-buat hukum. Jadi mereka terima saja hadis, sekalipun belum jelas kesahihannya. Tambahan pula Imam Malik kurang mahu mengembara. Jadi kuranglah pengalamannya.

Imam Shafie r.t lahir dan dewasa hinggalah wafat di antara 2 aliran feqah inilah. Allah takdirkan dia lahir sebagai yatim, miskin pula. Ibunya seorang yang solehah. Maka dia banyak berpindah-randah antara satu negeri dengan satu negeri. Pernah duduk di Mekah dan belajar dengan ulama di sana, antara gurunya yang terkenal di Mekah ialah Muslim Khalid Az-Zinji. Pernah lama tinggal di Madinah dan belajar ilmu feqah dengan Imam Malik bahkan kitab Hadis Muwatto' susunan Imam Malik dapat dihafal oleh Imam Shafie waktu muda lagi. Pernah mengembara ke Iraq (Baghdad) dapat

Dengan kata yang lain, Imam Shafie terima hadis dengan teliti dan mampu berijtihad dengan ar-rakyu setelah tidak ada Quran dan Hadis, Itulah mazhab (alirannya). Mazhab tidak terlalu ke kanan tidak terlalu ke kiri; tidak sebebas-bebas menggunakan akal dan tidak sebebas-bebas gunakan hadis. Dalam aliran (mazhab) yang dipeloporinya ini Imam Shafie memperkenalkan dua kaedah yang tidak ada sebelumnya. laitu kaedah usul feqah dan Qawa'idul Feqah. Kedua-dua kaedah ini ada dituliskan dalam kitab-kitabnya, di antaranya yang terkenal ialah Ar-Risalah. Tujuan kaedah ini ialah untuk menunjukkan cara untuk istinbat atau mengeluarkan hukum serta cara untuk menetapkan hukum ke atas isu-isu yang belum terjadi sebelumnya. Kaedah beliau ini telah diterima dan dipakai oleh mujtahid-mujtahid yang datang kemudian.

Dengan kaedah-kaedah ini terselamatlah para mujtahid dari tersalah, sebab kaedah itu memberi timbangan atau garis panduan dalam menentukan atau mengeluarkan hukum. ltulah jasa besar lmam Shafie, kedatangannya untuk zamannya adalah benar sebagai penyelamat dan penghidup agama (mujaddid). Selain daripada mematangkan dan mengemaskan lagi perundangan Islam, ia membawa kesederhanaan antara aliran ahlul hadis dan ahlul rak yi.

2. Mujaddid kurun ke tiga.

Abu Hassan Al Asyaari dilahirkan pada 260H/874M dan wafat 324H/937M. Abu Hassan Al Asyaari dibesarkan di satu zaman dunia Islam telah terbuka yang mana banyak negara di luar Jaziratul Arab telah menganut Islam, seperti Afrika, sebahagian China, Rom Timur, Parsi, Hindi dan lain-lainnya. Timbullah pergaulan yang luas di antara bangsa-bangsa dan kaum-kaum Arab dengan Ajam yang telah sama-sama menganut Islam yang mana selama ini setiap bangsa dan kaum itu ada kebudayaan, istiadat dan pegangan yang

dalam sabdanya ketika menghantar Sayidina Mu’az menjadi guru di **Yaman. Ertinya:**

عن رجال من أصحاب معاذ عن رسول الله صلى الله
عليه وسلم بعث معاذ إلى اليمن فقال: كيف تقضي؟
قال: أقضي بما في كتاب الله فقال فإن لم يكن في
كتاب الله؟ قال فبسنة رسول الله صلى الله
عليه وسلم قال فإن لم يكن في سنة رسول الله؟
قال: إجتهد رائي قال: الحمد لله الذي وفق رسول
رسول الله صلى الله عليه وسلم

— الترميذي —

*Dari beberapa orang daripada kawan Mu’az dari **Rasulullah s.a.w.** dikala beliau mengutus Mu’az ke negeri **Yaman,** maka beliau bersabda: “Bagaimana engkau menghukum?” Ia berkata: “**Aku** akan menghukumi dengan **apa** yang di dalam Kitab Allah”. Beliau bersabda: “**Maka jika** tidak **ada** di dalam Kitab Allah?” Ia berkata: “**Maka** dengan sunnah Rasulullah **s.a.w.”** Beliau bersabda **pula:** “ Maka **jika** tidak **ada** di*

Corak pemerintahan raja-raja ini penuh dengan penzaliman dan penindasan. Mereka mengambil segala kemudahan dan kesenangan hidup dengan sesuka hati. Tanah-tanah yang subur mereka miliki.

Masyarakat Mesir waktu itu terbahagi kepada 4 golongan yang nyata:

1. Golongan raja dan para-para pemerintah. Orang keturunan Mamalik ini merupakan golongan yang paling istimewa, menikmati macam-macam kemudahan dan kesenangan hidup. Tanah-tanah yang subur dibahagi kepada golongan ini.

2. Golongan dewaniah yakni para fuqaha', ahli-ahli sasterawan dan penulis-penulis. Golongan ini memegang kuasa kehakiman, mengajar, memberi petua, berpidato dan menulis untuk mengkayakan khazanah ilmu pengetahuan. Mereka ditakuti oleh pemerintah kerana dimuliakan oleh semua lapisan rakyat. Jadi raja-raja pun mengadu-dombakan antara ulama-ulama. Jawatan-jawatan mereka dijatuh dan dinaikkan sesuka hati. Ada yang dua tiga kali naik turun dari jawatan kehakiman.

3. Saudagar-saudagar. Golongan ini menggunakan kekayaan mereka untuk mengampu dan mempengaruhi raja dengan tujuan mendapat kedudukan yang istimewa. Maka raja pun ambil kesempatan untuk menekan mereka dengan cukai yang tinggi.

4. Golongan peladang, petukang, ahli-ahli pasar penjual kecil dan penjual air, merupakan golongan yang amat susah dan perit. Raja-raja tak ambil tahu hal mereka malah menghina mereka.

Dalam keadaan masyarakat yang begitu renggang, pecah-belah dan rosak, siasahnya pula kotor dan huru-hara, namun ilmu pengetahuan berkembang dengan maju dan jayanya. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan oleh beberapa faktor:

1. Oleh kerana keganasan Mongol di Timur maka ulama-ulama dari sana berhijrah ke Mesir, Syam dan selatan Maghribi. Begitu juga ulama-ulama di barat, turut berhijrah ke sana kerana lari dari kekejaman Asbania (Sepanyol).

2. Terdirinya banyak gedung-gedung ilmu di sekolah-sekolah, di masjid-masjid, khutub-khanah sebelum kerajaan Mamalik.

3. Banyaknya harta-harta kebajikan yang diwakafkan untuk para guru dan pelajar. Wakaf-wakaf ini dibuat oleh pemerintah, orang kaya, ulama dan ahli perniagaan yang ingin mencari keredhaan Allah.

4. Pengarang-pengarang ghairah menulis kitab-kitab dan kamus sebagai gantian kepada khazanah yang dimusnahkan oleh orang-orang Mongol dan puak-puak Salib.

Di tengah-tengah gelombang masyarakat yang begitulah Imam Sayuti lahir dan bangun. Dia berhadapan dengan agama Islam yang telah dilemahkan oleh Mongol dan Kristian, dengan politik yang kacau, ulama yang lupa daratan, ahli perniagaan yang korup dan dengan rakyat jelata yang terhimpit. Maka untuk menyelesaikan kekusutan itu, Allah bekalkan dia ilmu yang mengatasi ilmu-ilmu ulama se zaman. Ilmunya bertaraf Mujtahid Mutlak. Dengan keupayaan itu Imam Sayuti dapat menyedarkan ulama-ulama itu tentang peranan mereka yang sebenar dan tentang kelalaian yang telah menghantui jiwa mereka.

Allah hiaskan juga diri peribadi Imam Sayuti dengan sufi yang tinggi. Dalam kitab Al Mizanul Kubra dikatakan Imam Sayuti pernah bertemu Rasulullah secara jaga (yakazhah) sebanyak 75 kali. Dengan pengalaman kerohanian yang luar biasa itu, raja-raja yang memang bimbang dengan ulama, menjadi lebih takut dan segan dengan Imam Sayuti. Ini membuatkan raja-raja itu mahu juga mendengar dan menghormati ajaran-ajaran Islam yang dikatakan oleh beliau.

Dengan ilmu dan ketokohan beliau Imam Sayuti memperjuangkan Islam ke tengah masyarakat Islam Mesir waktu itu. Dengan saranan-saranannya yang berani dan tegas beliau telah berjaya meniupkan rasa keyakinan dan semangat juang di hati rakyat Mesir. Mereka-mereka yang selama ini tertindas, lemah jiwa dan susah, telah sedikit-sebanyak dapat dikuatkan jiwa untuk menjadi umat yang gagah dan mampu berdikari. Imam Sayuti juga diberi Allah kemampuan untuk menulis kitab, guna menggantikan kitab-kitab yang dimusnahkan oleh Mongol dan puak Kristian. Sejak berumur 40 tahun hinggalah wafat beliau mengurung diri di rumah untuk menulis. Ilmunya yang bertaraf mujtahid mutlak itu mengizinkan beliau menulis kitab sebanyak-banyaknya yang mungkin. Daripada riwayat yang diperolehi hasil tulisan Imam Sayuti ialah sebanyak 600 buah. Kalaulah tidak lahir seorang yang serba boleh seperti Imam Sayuti di kurun ke 9 Hijriah itu, tentu umat Islam akan terus porak-peranda dan menderita. Tapi Allah sayangkan umat Islam maka sesuai sebagaimana janji-Nya maka lahirlah di awal kurun itu seorang Mujaddid yang Mujtahid untuk umat itu. Dengan kepimpinan, didikan dan pelajaran yang diberikan, hidup kembalilah agama dan agak pulihlah umat dari penyakit yang menyerang mereka. Imam Sayuti menyedari pemberian Allah itu dan meyakini pula bahawa dirinyalah ditugaskan untuk

Kurun ke 15 Hijrah kini sedang membawa kita melalui peringkat-peringkat awalnya kurun, yakni 1408 hinggalah ke tahun 1425. Maka sebagaimana yang dijanjikan oleh Rasulullah, tentu akan lahir seorang Mujaddid sekitar tempoh ini ataukah sudah lahir? Di sini saya akan cuba menentukan siapa Mujaddid kurun ini. Mula-mula mari kita analisa masalah umat Islam kini. Dari situ dapatlah kita tentukan apakah kelayakan-kelayakan yang mesti ada pada mujaddid abad ini.

1. Di seluruh dunia umat Islam sedang berpecah-belah. Dalam soal aqidah sahaja terbahagi kepada 73 puak. Sudahlah perpecahan dalam keyakinan dan pegangan hidup, perpecahan fikiran, perpecahan politik dan ukhwah Islamiah, lebih dahsyat lagi umat Islam kini sedang bercakar dan berperang sesama sendiri.

2. Rata-rata umat Islam kini jahil tentang agama sendiri. Akibat dari itu, ajaran Islam tidak dijadikan amalan hidup. Sebaliknya amalan-amalan syaitan dijadikan ikutan. Judi, arak, pergaulan bebas, pendedahan aurat, menindas, menzalim sudah jadi perkara biasa dalam masyarakat Islam.

peralatan lahiriah yang seimbang dengan persedian musuh. Supaya ditakuti musuh.

2. Mempunyai kuasa memerintah untuk memimpin umat sedunia yang dahagakan kepimpinan Islam yang tulin. Tanpa kuasa memerintah, adalah mustahil untuk didaulatkan kembali undang-undang Islam di tengah-tengah masyarakat dunia hari ini.

3. Mempunyai angkatan tentera yang dibantu oleh Allah secara karomah atau ma'unah.

4. Mempunyai ilmu pengetahuan bertaraf mujtahid yang luas mencakup bidang falsafah, ideologi dan ism-ism keseluruhan mazhab-mazhab aqidah mahupun feqah, tentang teknologi dan pembangunan dan apa juga persoalan ilmu yang benar-benar berlandaskan Al Quran dan Sunnah. Agar segala persoalan atau 'ism dan mazhab yang mengkucar-kacirkan umat hari ini dapat diselesaikan.

5. Mempunyai daya kepimpinan yang luar biasa, yang boleh menundukkan jutaan kepala manusia yang sudah begitu liar dan sombong hari ini.

6. Mempunyai taqwa yang sejati agar tidak dapat dilemahkan oleh tipuan dan mainan dunia hari ini. Agar tidak dapat dilemahkan dengan kekayaan, dengan jawatan, dengan perempuan, dan dengan 1001 macam putar belit Yahudi secara halus lagi saintifik.

7. Mempunyai kebijaksanaan dan hikmah yang tinggi agar dapat menjinakkan manusia kini yang sudah bertuhankan nafsu dan syaitan dan yang sudah bergelumang dengan segala bentuk keji dan mungkar.

menjayakan maksud itu. Maka dengan rendah hati telah menulis dalam kitab Al Raddhu 'Ala Man Akhlada Ilal Ardh:

"Akulah mujaddid kurun ke 9 Hijrah."

Begitulah kisah 4 orang mujaddid yang datang dengan membawa kaedah dan pendekatan yang berbeza-beza antara satu dengan lain. Mereka datang ketika umat Islam berhadapan dengan masalah tertentu. Maka Allah bekalkan kebolehan yang luar biasa yang dapat menundukkan umat agar bersatu dan kembali pada Islam yang sebenar. Dan antara seorang mujaddid dengan yang lain, terdapat kelainan "approach" dan teknik yang nyata sekali, bersandarkan berbezanya masalah umat waktu itu.

Sesungguhnya keyakinan dan harapan **saya ini** telah diperkuatkan oleh ijtihad lmam Sayuti rahimahumullahu taala, mujaddid kurun 9 dengan katanya dalam tulisan beliau, dalam kitab **'Kasyaf',** "Umur dunia 7000 tahun dikira dari **Nabi** Adam hinggalah ke **alamat** kiamat yang besar.

Umur dunia **ini** semenjak zaman kebangkitan Rasulullah hinggalah **alamat** hampir hari kiamat masanya 1407.

Memandangkan **kita** sekarang di awal kurun 15 hijrah, maka kalau benarlah ijtihad lmam Sayuti itu maka **kini kita** berada di kurun akhir. Ertinya tidak **lama lagi** akan berlakulah kiamat. Maka sebelum itu, **kita yakin** berlakulah nanti **apa** yang disabdakan oleh Rasulullah:

عن ذر عن عبد الله عن النبي صلى الله عليه وسلم
قال لو لم يبق من الدنيا الا يوم لطول الله ذلك
اليوم حتى يبعث فيه رجل مني أو من أهل بيتي
يواطئ اسمه اسمي واسم أبيه اسم أبي
يملأ الأرض قسطا وعدلا كما ملئت ظلما وجورا

Maksudnya:

*Dari Zarr dari **Abdullah** dari **Nabi** S.A. W sabdanya yang **bererti: "Jika** tidak tinggal dari dunia melainkan*

dunia ini. Bagaikan seorang manusia yang ditimpa macam-macam penyakit berat seperti kanser, darah tinggi, kencing manis, batuk kering, jantung berlubang, paru-paru berair, buah pinggang sakit, mustahil rasanya boleh hidup lama lagi.

Dalam sejarah Islam, belum pernah umat Islam seteruk ini. Memang pernah kalah, tapi magih boleh bangun bertahan. Tapi kekalahan yang dialami sekarang, sungguh berat sekali. Umat Islam kebanyakannya bukan saja tidak ada lagi semangat jihad untuk bangunkan kembali Islam, malahan merasa tidak senang dengan Islam. Undang-undang atau hukum-hukum Islam dipersoalkan, kemampuan Islam diperkecilkan dan perjuangan Islam dipermainkan dan diketawakan. Begitulah berjayanya musuh. Tawanan bukan setakat soal-soal lahiriah, tapi telah menjangkau ke alam rohani dan fikiran umat Islam. Sedikit sekali bilangan umat Islam dalam dunia ini yang cintakan Islam dan yang berharap aggr Islam kembali berkuasa di bumi.

Dalam keadaan ini, siapakah yang boleh diharapkan untuk mengangkat Islam kembali ke takhta kemuliaannya? Mana ada di dunia hari ini seorang pemimpin yang kepimpinannya diterima dan diikuti oleh semua orang. Di Malaysia saja, tiada seorang pemimpin Islam yang diterima bersama oleh umat Islam. Bahkan pemimpin dalam satu harakah pun tidak diterima oleh semua ahli. Ada yang terima pemimpin nombor dua. Ada yang terima pemimpin nombor tiga. Begitulah hakikatnya. Apa lagi di dunia, Sesungguhnya kita sangat memerlukan seorang Mujaddid.

1. Seorang pemimpin yang mempunyai kekuatan rohaniah dan lahiriah yang setanding dengan kegagahan musuh. Ertinya seorang yang ada karomah (sebagai bantuan dari Allah) disamping kelengkapan-kelengkapan dan peralatan-

5. SIAPA MUJADDID KURUN KE 15

8. Merupakan abid yang menghidupkan malam untuk Tuhannya dan siang untuk jihad fisabililah.

9. Disegani oleh penguasa-penguasa dunia.

Begitulah antara ciri-ciri penting yang mesti ada pada mujaddid kurun ini. Tidak keterlaluan rasanya kalau saya katakan bahawa mujaddid itu hendaklah seorang yang menjadi bayangan Rasulullah S.A.W, khatamul ambiya'. Kerana kehancuran dunia hari ini lebih dahsyat dari apa yang terjadi sewaktu kelahiran Nabi Muhammad S.A.W itu. Jadi sudah munasabah mujaddid kurun ini ialah seorang yang mempunyai segala-gala kelebihan luar biasa dibanding dengan mujaddid sebelumnya. Dia bertaraf mujaddid, mujtahid, dan khalifah.

Saya berkata demikian kerana memandangkan, kerosakan umat hari ini sudah terlalu teruk. kalaulah mujaddid kurun ini bukan mujaddid akhir, atau bukan pilihan segala mujaddid, hanya mujaddid biasa sebagaimana mujaddid-mujaddid sebelumnya, dunia tidak akan dapat diselamatkan. Kalau begitu kita terpaksa tunggu 100 tahun lagi untuk kelahiran seorang yang diharapkan itu. Walhal dunia ini terus tenggelam dalam kedurjanaan manusia. Apakah jadi pada umat Islam 100 tahun lagi? Tidak mustahil waktu itu tiada lagi orang yang ingin menyebut nama Allah. Al Quran dan Hadis tidak berharga lagi. Mudah-mudahan itu tidak berlaku. Tentu Allah tidak akan biarkan agamanya diperhinakan begitu sekali. Lantaran itu saya berkeyakinan dan berdoa agar biarlah mujaddid kurun ini ialah mujaddid teragung yang akan memerintah dunia untuk mendaulatkan kembali undang-undang Allah di bumi ini. Dan akan mengalahkan musuh-musuh Allah.

6 : IMAM AL MAHDI

sehari sahaja nescaya Allah S. W.T memanjangkan hari itu sehingga bangkit padanya seorang lelaki dari keturunanku atau dari kaum keluargaku yang nama-nya menyerupai namaku dan nama bapanya menye-rupai nama bapaku ia akan memenuhi bumi dengan keadilan dan saksama sebagaimana bumi dipenuhi kezaliman dan kekejaman. " - riwayat Abu Daud dan Tarmizi.

Dalam hadis lain baginda menyebut lagi tentang lelaki itu:

عن ابي سعيد الخدري قال، قال رسول الله صلى

الله عليه وسلم، المهدي مني أجلى الجبهة أقنى

الأنف يملأ الأرض قسطا وعدلا كما ملئت جورا

وظلما يملك سبع سنين

Maksuclnya:

Dari Abu Said Al Khudri yang berkata bahawa Rasulullah S.A. W telah bersabda, "Mahdi ialah dari keturunanku, dahinya luas, hidungnya mancung, ia akan memenuhi bumi dengan keadilan dan saksama sebagaimana ianya dipenuhi kezaliman dan ke-kejaman dan ia memerintah selama 7 tahun. " -riwayat Abu Daud dan Hakim.

Seterusnya dalam soal yang sama Rasulullah menyatakan:

Berdasarkan firman Allah:

فهل ينظرون إلا الساعة ان تأتيهم بغتة

Ertinya:

Maka tidaklah yang mereka tunggu-tunggu melainkan hari kiamat (iaitu) kedatangannya kepada mereka dengan tiba-tiba. ***(Muhammad:18)***

Maka dalam kitab Alamat Kiamat oleh Syeikh Jalaluddin di antaranya dituliskan begini:

Ulama-ulama mengira bilangan huruf "بغتة" itu ialah sebanyak 1407 tahun. Ertinya tempoh berlaku kejadian alamat kiamat yang besar dengan turunnya ayat ini ialah 1407 tahun. Atas dasar inilah Imam Sayuti rahimahumullahu taala dalam kitabnya "Kasyaf" membuat ijtihad bahawa kedatangan Imam Mahdi (Mujaddid akhir zaman) sebagai satu tanda alamat kiamat yang besar itu ialah pada tahun 1407

bertanya, "Mengapakah kami melihat pada wajahmu sesuatu yang kami tidak sukai?" Baginda menjawab, "Kami ahiui-bait telah dipilihkan oleh Allah S.W.T akan akhirat lebih dari dunia. Kaum kerabatku akan menerima bencana dan penyingkiran selepasku kelak sehinggalah datang suatu kaum darl sebelah timur dengan membawa bersama-sama mereka panji- panji berwarna hitam serta meminta kebaikan tetapi mereka tidak diberikannya. Maka mereka pun berjuang dan beroleh kejayaan lalu diberikanlah apa yang mereka minta itu tetapi mereka tidak menerima sehinggalah mereka menolaknya kepada seorang lelaki dari kaum kerabatku yang akan memenuhi bumi dengan keadilan sebagaimana la dipenuhi dengan kedurjanaan. Siapa di antara kamu yang sempat menemuinya maka datanglah mereka walau-pun mereka merangkak di atas salji."

(Riwayat Ibnu Majah).

4.

او كما قال

عن ابي سعيد الخدري عن النبي صلى الله عليه

وسلم قال من خلفائكم خليفة يحثي المال حثيا

لا يعده عدا

Ertinya:

Dari Abu Said Al Khudri dari Nabi S.A. W yang bersabda, "Di antara khaiifah-khalifah kamu ialah seorang khalifah yang mencurahkan harta benda tanpa mengira-ngira."

(Riwayat Muslim).

عن جابر رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله
عليه وسلم يكون في آخر أمتي خليفة يحثي المال
حثيا ولا يعده عدا

Dari Jabir r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Akan ədə pada akhir umatku seorang khalifah yang membahagikan harta d ə n tidak menghitungnya.

(Riwayat Muslim)

عن أبي سعيد وجابر رضي الله عنهما عن رسول الله صلى الله
عليه وسلم قال: يكون في آخر الزمان خليفة يقسم المال
ولا يعده

Dari Abi Said dan Jabir r.a. dari Rasulullah s.a.w sabdanya: "Akan ada pədə akhir zaman khalifah yang akan membahagikan harta dəo tidak menghitungnya.

(Riwayat Muslim)

Rasulullah S.A.W memberitahu bahawa sebelum kiamat akan lahir seorang khalifah yang akan memerintah dunia dengan meratakan keadilan dan saksama. Lelaki itu ialah Imamul Mahdi. Sekarang masanya sudah tiba untuk dunia ini menerima kedatangan yang agung itu. Maka saya berkeyakinan Mujaddid kurun akhir ini ialah orang yang ditunjukkan sendiri oleh Rasulullah iaitu Mahdi Al-Muntazar (Mahdi yang ditunggu-tunggu).

untuk menawan Makkah, Masjidil Haram dan Kaabah. Supaya bumi itu berada dalam pentadbiran mereka. Syiah menganggap hanya mereka yang layak memiliki Makkah, sebab hanya Syiahlah aqidah yang benar. Mazhab-mazhab lain salah dan kafir belaka. Atas keyakinan itulah Iran tunjuk perasaan di Makkah. Kemungkinan ini akan diulang di setiap musim haji. Kalaulah Arab Saudi atau sesiapa juga menentang maka akan berlakulah lagi pembunuhan dan pertumpahan darah. Untuk kejadian ini berlaku di Mina dan di Jumrah adalah tidak mustahil. Dan sekiranya terjadi demikian, maka itulah saat hampir munculnya Imam Mahdi. Inilah yang dikatakan oleh Ibnu Hajar dalam Al Qaulul (القول) Sebelum dia (Imam Mahdi) dibai'ah antara rukun dan maqam belakulah perselisihan di kalangan beberapa kabilah pada bulan Zulkaedah (haji) dan berlakunyya rampasan orang haji di Mina.

Berdasarkan alasan-alasan di atas, maka saya rasa Mujaddid kurun ke 15 ini ialah Imam Mahdi. Rasulullah S.A.W mengisyaratkan kedatangan Imam Mahdi dengan sabda baginda:

اوكما قال

1. عن زر عن عبد الله النبي صلى الله عليه وسلم قال : لو لم
يبق من الدنيا الا يوم لطول الله ذلك اليوم حتى يبعث
فيه رجل مني او من أهل بيتي يواطئ اسمه
اسمي واسم ابيه اسم ابي يملأ الأرض قسطا
وعدلا كما ملئت ظلما وجورا

Hijriah. Dengan kata lain, mujaddid itu akan lahir di awal kurun ke 15 Hijrah. Untuk menyaksikan benar tidaknya ijtihad ini, kita lihat pula apa kata Imam Ibnu Hajar dalam kitab:

Al Qaulul Mukhtasar fi 'alamatil Mahdi Muntazar (القول المختصر في علامات المهدي المنتظر) tentang tanda-tanda hampir kedatangan Mahdi, berdasarkan hadis-hadis. Di antaranya ialah:

1. Mahdi lahir di waktu banyak perselisihan dan banyak gempa.

2. Dia dibai'ah di bulan Muharram sesudah didahului beberapa fitnah dan peperangan di bulan Ramadhan dan sesudahnya hinggalah ke musim haji. Orang-orang haji dirampas di Mina. Banyak berlaku pembunuhan hinggalah mengalir darah di Jumrah.

Itulah antara yang disebut oleh Ibnu Hajar sebagai tanda terdekat kemunculan Imam Mahdi.

Tentang perselisihan dan gempa bumi, memang sudah jadi perkara biasa saja dalam kehidupan kita hari ini. Selalu ada berita dalam akhbar berlakunya gempa bumi di negeri-negeri di dunia ini. Berita yang terbaru kita dengar ialah dua gempa bumi yang tiap- tiap salah satunya berlaku di Los Angeles (Amerika).

Tentang pettumpahan darah dan pembunuhan di musim haji pun nampaknya sudah bermula dan Insya-Allah rasanya akan berterusan. Ayatollah Khomeini telah mengisytiharkan yang Iran akan membalas dendam kepada Arab Saudi kerana membunuh orang Iran di musim haji yang lalu. Dari itu mungkin berlaku pada musim-musim haji yang akan datang. Sebab Iran yang menganut fahaman Syiah itu, memang berhajat

Ertinya:

Jika tidak tinggal dari dunia hanya sehari sahaja nescaya Allah S. W. T memanjangkan hari itu sehingga bangkit padanya seorang ieiaki dari keturunanku atau dari kaum keiuargaku, yang namanya me nyerupai namaku, dan nama bapanya menyerupai nama bapaku, ia akan memenuhi bumi dengan keadiian dan saksama sebagaimana bumi dipenuhi kezaiiman dan kekejaman.

(Riwayat Abu Daud dan Tarmizi).

2.

او كما قال

لاتذهب او لاتنقضى الدنيا حتى يملك العرب رجل

من اهل بيتي يواطئ اسمه اسمي

E r t i n y a :

Dunia tidak akan ienyap sehinggaiah bangsa Arab diperintah oieh seorang ieiaki dari keiuargaku yang namanya men yerupai namaku.

(Riwayat Abu Daud).

3. Sementara sepotong hadis yang lebih terkenal dengan nama Hadis Panji-panji bermaksud:

Dari Abdullah yang, berkata:

"Ketika kami berada di sisi Rasuiuliah S.A.W tiba-tiba datang sekumpuian anak-anak muda dari kaiangan Bani Hasyim. Apabiia terpandang akan mereka maka kedua mata Rasulullah S.A. W beriinang airmata dan wajah baginda berubah, aku pun

5.

او كما قال

عن ابي سعيد الخدري قال، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم المهدي مني اجلى الجبهة اقنى الانف يملأ الارض قسطا وعدلا كما ملئت جورا وظلما يملك سبع سنين

Ertinya:

Dari Abu Said Al Khudrl yang berkata bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda, " Mahdi ialah dari keturunanku, dahinya luas, hidungnya mancung, ia akan memenuhi bumi dengan keadilan dan saksama sebagaimana ianya dipenuhi kezaliman dan ke-kejaman dan ia memerintah selama tujuh tahun. "

(Riwayat Abu Daud dan Hakim).

6. Dari kitab Ahlul Kahfi (أهل الكهف) yang ditulus oleh Muhammad Taisir Zibyan pada muka surat 24, terdapat hadis dari Ibnu Abbas di mana Rasulullah S.A.W bersabda:

او كما قال

أصحاب الكهف أعوان المهدي

Ertinya:

Ashabul Kahfi itu adalah pembantu-pembantu Al Mahdi.

3. Ada seruan daripada langit yang mengatakan sesungguhnya pemimpin kamu ialah polan itu (Mahdi).

4. Bila kamu melihat panji-panji hitam dari pihak Khurasan, hendaklah kamu mendatanginya sekalipun merangkak atas salji kerana pada mereka ada khalifah Allah.

5. Dia dibai'ah di bulan Muharram sesudah didahului beberapa fitnah dan peperangan di bulan Ramadhan dan sesudahnya hinggalah ke musim haji. Dirampas orang haji di Mina. Banyak berlaku pembunuhan hingga mengalirlah darah di Jumrah.

6. Sebelum dia dibai'ah antara rukun dan maqam berlakulah perselisihan di kalangan beberapa kabilah pada bulan Zulkaedah (haji) dan berlakunya rampasan orang haji di Mina.

7. Dia bersembahyang subuh di Baitul Maqdis bersama orang mukmin, tiba-tiba Nabi Isa turun. Dia mempersilakan Nabi Isa menjadi Imam. Nabi Isa meletakkan dua tangannya antara dua bahunya lantas berkata, "Ke depanlah, sembahyanglah, sesungguhnya bagi engkaulah (imam) sembahyang ini."

C. Corak pemerintahan Imam Mahdi.

1. Keluar manusia daripada pihak timur menyerahkan kekuasaan untuknya.

2. Membangunkan urusan agama di akhir zaman secara keseluruhan sepertimana didirikan oleh Rasulullah di awalnya.

3. Hidup manusia bersamanya sebagaimana hidupnya lebah dengan rajanya (erat dan penuh kasih sayang).

ada yang kata 20 tahun, 40 tahun, 24 tahun dan riwayat lain daripada atas mengatakan 30 tahun.

7. Mahdi memakai serban di kepalanya. Ada malaikat di atas kepalanya dan menyeru, "Sesungguhnya inilah Mahdi, hendaklah kamu mengikut akannya."

8. Menetap di Baitul Maqdis.

9. Imam Mahdi ialah umat Rasulullah menjadi seorang khalifah akhir zaman yang akan meraup harta dengan tangannya tanpa mengiranya.

10. Imam Mahdi akan keluar pada umat Rasulullah. Allah akan mengutusnya kekayaan bagi manusia. Umat dalam nikmat. Binatang ternak berkembang biak. Bumi mengeluarkan tumbuh-tumbuhannya. Dia membagi harta dengan saksama di kalangan manusia.

11. Dia merupakan safwatullah di kalangan makhluk.

12. Dia keluar pada bulan Muharram, menyerulah penyeiu. daripada langit, ketahuilah olehmu bahawa safwatullah dari kalangan makhluk ialah polan itu (Mahdi). Hendaklah kamu dengar dan taat padanya. Keluar Safiani sebelumnya.

B. Tanda-tanda (alamat-alamat) kedatangan Imam Mahdi.

1. Mahdi lahir di waktu banyak perselisihan dan banyak gempa.

2. Dia akan datang sesudah terbitnya bendera hitam di sebelah Timur.

Untuk mengetahui secara detail tentang Imam Mahdi, mari kita tengok dalam kitab Al Qaulul Mukhtasar fi alamatil Mahdi Al Muntazar (القول المختصر في علامات المهدي المنتظر) oleh Ibnu Hajar.

Berikut adalah petikan Kitab:
Al Qaulul Mukhtasar Fi Alamatil Mahdi Al Muntazar (القول المختصر في علامات المهدي المنتظر) oleh Ibnu Hajar Al Haitami. Petikan ini, ialah sebahagian daripada kesimpulan (intipati) yang dibuat oleh Imam Ibnu Hajar tentang Mahdi, berdasarkan hadis.

A. Sifat peribadi Imam Mahdi.

1. Keturunannya ialah dari ahlil bait Rasulullah.

2. Nasab keturunannya ialah Sayidina Hassan bin Ali

3. Namanya Muhammad dan nama bapanya seperti nama bapa Rasulullah iaitu Abdullah.

4. Namanya seperti nama Rasulullah, tubuhnya seperti Rasulullah. Akhlaknya juga seperti akhlak Rasulullah dan gelaran yang diberikan ialah Abu Abdillah

5. Warna kulitnya warna Arab, saiz tubuhnya seperti tubuh Israel. Di pipi kanannya ada tahi lalat; seolah-olah bintang yang bercahaya. Keningnya lengkung, hidungnya mancung, giginya jarang dan renggang antara dua pehanya.

6. Umur Mahdi 40 tahun. Lama masa pemerintahannya menurut riwayat yang paling banyak dan paling masyhur ialah 7 tahun. Riwayat lain mengatakan 19 tahun beberapa bulan,

menumpahkan darah yang tiada halal, memerangi orang yang meninggalkan sunnah Nabi S.A.W dan orang kafir musyrik. Beliau juga akan menghapuskan segala perbuatan bid'ah yang menyimpang dari pegangan atau iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah. Imam Mahdi juga akan menjadi raja yang memerintah seluruh dunia seperti Zulqarnain dan Nabi Sulaiman a.s. Di samping itu ia akan memusnahkan segala salib Kristian dan membunuh babi.

Imam Mahdi sangat penyayang dan pemurah kepada sekelian muslimin. Imam Mahdi di redhai setiap yang hidup di langit dan bumi sehinggakan sekelian burung-burung, binatang liar di hutan dan ikan-ikan di laut akan menyukainya. Kekayaannya melimpah-ruah dan menyeru kepada sesiapa yang berhajat untuk mengambilnya. Tetapi hanya seorang sahaja yang menyahutnya kerana di waktu itu semua orang kaya-raya (boleh jadi kaya hati). Lelaki itu pun mengaut harta-harta sekehendak hatinya tetapi kemudiannya mengembalikan semula kepada Imam Mahdi.

Pakaian Imam Mahdi.

Sewaktu zahir ke dunia Imam Mahdi memakai satu serban dengan malaikat di atasnya. Malaikat itu akan menyeru:

"Inilah Mahdi khalifah Allah, ikutilah ia dengan ikhlas dan yakin." Kemudian akan keluar daripada serban itu satu tangan mengisyaratkan satu bai'ah kepada Imam Mahdi. Imam Mahdi memiliki baju Rasulullah S.A.W , satu pedang, satu bendera merah yang diperbuat daripada kain bulu yang bertulisan "Bermula perjanjian itu bagi Allah" berwarha hitam. Selepas kewafatan Rasulullah S.A.W baju itu tidak pernah dipakai kecuali apabila zahir Imam Mahdi.

4. Imam Mahdi menghukum dan membawa keadilan. Memecah salib dan membunuh babi.

5. Mengubah suasana dunia iaitu memenuhi bumi dengan keadilan sebagaimana penuh dengan kekejaman.

6. Membahagj harta dengan adil dan sama rata pada segenap manusia.

7. Hati umat Muhammad S.A.W di zaman Mahdi dipenuhi kekayaan.

8. Orang baik mahu pun jahat, di zaman Mahdi mendapat nikmat yang tidak pernah dirasai sebelumnya.

9. Mahdi memiliki dunia sepettimana dimiliki oleh Raja Zulqamain dan Nabi Sulaiman a.s.

10. Mahdi berperang ikut sunnah sepertimana Nabi S.A.W berperang ikut wahyu.

11. Bilangan mereka yang membai'ah Imam Mahdi iaitu 313 orang. Ada perempuan. Maka Imam Mahdi dapat menguasai setiap diktator hinggalah merasa keadilan. Beliau memerintah selama 7 tahun.

12. Mahdi penutup bagi agama Allah S.W.T sepertimana Allah membuka agamanya dengan Nabi Muhammad S.A.W

13. Selepas dibai'ah, satu utusan tentera daripada Syam yang diutus untuk memeranginya telah ditenggelamkan di Zilhalifah.

14. Pemegang panji-panjinya ialah seorang pemuda puak Tamimi yang datang dari Timur.

15. Mahdi memerangi Rom dalam masa 3 hari. Dapat kemenangan di hari ke 3. Hingga dapat membuka Al Konstantiniah

Demikianlah sebahagian di antara Khulasah yang dibuat oleh Ibnu Hajar tentang Imam Mahdi. Susunan dan alih bahasa yang terdapat di atas adalah dibuat untuk memudahkan para pembaca untuk memahaminya.

Dalam kitab Adduratun Nafi'ah Fi Isy Ratus Saa'ah (الدرة النافعة في اشراط الساعة) oleh Syeikh Osman Jalaluddin terdapat lagi keterangan yang detail tentang Imam Mahdi. Berikut ialah daripada kitab tersebut yang dibuat dari muka surat 3 ke muka surat 22.

Imam Mahdi • Sifat dan tabiatnya.

Sesungguhnya Imam Mahdi itu mempunyai nama yang serupa dengan nama Nabi kita iaitu Muhammad bin Abdullah. Beliau berketurunan daripada Hassan Hussein iaitu cucu Nabi Muhammad S.A.W. Tubuhnya sederhana, warna kulitnya putih kemerah-merahan, jarang bulu dua pelipisnya, hidungnya mancung, keningnya melengkung, mukanya memanjang, luas dua matanya yang bercelak, giginya berkilat-kilat lagi putih, pada pipi kanannya terdapat tahi lalat hitam, mukanya berseri-seri, janggutnya tebal dan ia mempunyai satu tanda umpama cop "Khatamun Nubuwwah" pada belikat Nabi Muhammad S.A.W. Pehanya renggang dan ia memakai baju belah dada yang berwarna putih lagi pendek.

Mengenai tabiatnya pula ialah, ia tidak membangunkan orang tidur kecuali apabila masuk waktu sembahyang. Ia tidak

Keiebihan imam Mahdi.

imam Mahdi akan menanam sebatang kayu kering ke daiam tanah yang kering ialu kayu itu tumbuh dan berdaun hijau. Apabila imam Mahdi mengisyaratkan dengan tangannya kepada burung di udara, burung itu akan jatuh ke atas tangannya. Kemudian ada seruan dari langit yang mengatakan,

"Wahai manusia! Bahawasanya Allah akan mengutus beliau kepada orang-orang yang degil dan munafik dan ia akan memerin tah kamu semua. "

Pemerintahan imam Mahdi di dunia.

imam Mahdi sangat gagah perkasa dan sekelian manusia mengharapkan pertolongan dan periindungan serta keamanan daripadanya. Allah akan mengurniakan sebanyak 3000 malaikat yang akan memukul setiap orang yang menentang lmam Mahdi. Malaikat Jibril dan Mikaii juga akan turun bersama pada waktu itu.

Suasana aman ketika itu hingga membolehkan harimau dan kambing berhimpun di satu tempat. Kanak-kanak akan bermain dengan segala ular dan kala tanpa bahaya. Orang-orang yang membuat perhumaan dan bersawah padi cukup makmur malah benih semaiannya tumbuh dengan hasil yang digandakan oleh Allah sebanyak 700 cupak.

Di masa pemerintahannya iagi, ia akan memadamkan segala fitnah dan menghapuskan maksiat umpamanya riba, perzinaan, minum arak dan sebagainya. la akan melaksanakan segala yang diamanahkan dan mewujudkan keamanan di seiuruh alam ini, sehinggakan orang-orang perempuan yang pergi haji akan bersama-sama jemaah perempuan sahaja

kerana mereka tidak takut sesuatu apa pun kecuali kepada Allah.

Alamat yang hampir zahir Imam Mahdi ke dunia.

Ada beberapa alamat sebelum kezahiran Imam Mahdi, antaranya ialah:

1. Pecahnya sungai Furat (sungai yang besar di dalam negeri Baghdad) masuk ke laut Farsi.

2. Gerhana bulan pada awal malam bulan Ramadhan dan gerhana matahari di awal Ramadhan. Kedua-dua gerhana itu belum pernah berlaku sebelum ini.

3. Gerhana bulan berlaku sebanyak dua kali dalam bulan Ramadhan.

4. Naik tanduk di langit umpama beberapa gigi.

5. Terbit bintang berekor yang cerah dari timur

6. Zahir api besar selama 3 ataupun 7 malam dari timur.

7. Zahir kelam pada langit.

8. Zahir langit merah yang berlainan dari biasa.

9. Terdapat seruan dari langit yang difahami oleh semua manusia yang mengatakan bahawa Imam Mahdi telah zahir.

10. Tenggelam kampung Khuristan di dalam negeri Syria.

perempuan. Manakala sampai ke negeri Khurasan, bettambah-tambah lagi kekejaman mereka. Setiap keluarga Nabi Muhammad S.A.W dan Bani Hasyim dari penduduk Khurasan itu ditangkap lalu dibunuh di tempat itu juga. Separuh ahlul bait itu dihantar ke Kufah. Kemudiah puak Sufyani itu memasuki kampung-kampung dan merata-rata tempat.

Setelah berlaku kelima-lima perkara tadi, zahirlah Imam Mahdi tetapi tidak diketahui di mana ia menzahirkan diri. Semasa berlaku huru-hara itu, ia berserta dengan pembantu-nya dan tujuh orang lagi melarikan diri dari Madinah dan bersembunyi di Makkah. Manakala mendengar berita itu, Raja Madinah pun mengutus surat kepada Raja Makkah memberitahu kedatangan Imam Mahdi dan menyebut nama-nama jemaahnya. Raja Makkah sangat gembira mendengar khabar itu lalu menjemput Imam Mahdi beserta jemaahnya menemui baginda. Imam Mahdi dan jemaahnya 'menemui Raja Makkah dan meminta perlindungan politik lalu dibenarkan tinggal di Makkah dengan aman.

Tetapi Raja Makkah menipu dengan memanggil dua orang utusan Imam Mahdi lalu membunuh salah seorangnya di satu tempat antara rukun Hajarul Aswad dan maqam Ibrahim. Seorang lagi telah berjaya melarikan diri dan memberitahu Imam Mahdi. Bersiaplah Imam Mahdi untuk memerangi Raja Makkah yang dimurkai Allah dan segala isi langit, lalu berkhemah di Taif di satu bukit, lalu bergabung dengan penduduk di situ. Berperanglah buat pertama kalinya Imam Mahdi dan jemaahnya dengan Raja Makkah. Imam Mahdi berjaya mengalahkan mereka sementara Rajanya pula dibunuh. Itulah perang pertama dari 6 peperangan.

11. Seruan dengan nama Imam Mahdi yang sangat kuat dari langit yang didengari oleh semua manusia. Waktu itu orang tidur akan terjaga, yang berdiri akan terduduk dan yang duduk akan berdiri disebabkan terperanjat.

12. Zahir suatu jemaah lelaki di bulan Syawal. Kemudian kedengaran suara membatalkan peperangan di dalam bulan Zulkaedah. Setelah itu berlaku peperangan dalam bulan Zulhijjah dengan kejadian samun ke atas jemaah haji serta pertumpahan darah di atas Jumratul Aqabah di Mina (tempat melontar).

13. Berlaku gempa bumi.

14. Kedengaran dua seruan dari langit, seruan pertama menyebut bahawa Imam Mahdi yang zahir itu sebenarnya keluarga Muhammad S.A.W. Suara kedua pula mengatakan bahawa Imam Mahdi itu daripada keluarga Isa a.s.

Fitnah-fitnah yang berlaku sebelum zahir Imam Mahdi.

Terdapat 5 kejadian fitnah yang berlaku sebelum zahirnya Imam Mahdi iaitu:

1. Sewaktu pecah sungai Furat, keluarlah emas daripada bukii yang berdekatan. Akibatnya berpuak-puaklah manusia kepada 3 kumpulan untuk mendapatkannya. Salah satu daripada kumpulan yang lebih hampir dengan timbunan emas itu berkata, “Demi Allah kami akan membunuh sekelian manusia kerana jika kami biarkannya nescaya habislah ia (harta).” Selepas itu berlakulah kejadian yang tidak diingini sehingga berlakulah pembunuhan yang besar di mana hanya seorang sahaja dalam setiap seratus orang yang hidup.

2. Keluar seorang daripada keturunan Sufyani yang kafir daripada anak Khalid bin Sufyan dalam negeri Syam, yang akan menyebabkan peperangan yang besar.

3. Berlaku peperangan yang berpunca daripada puak Ibqa'. Ibqa' ini ialah suatu yang ada padanya warna putih dan hitam dari negeri Mesir.

4. Muncul puak Ashab. Ashab ialah sesuatu yang bercampur warna putih dan merah.

5. Muncul puak A'raj yang mana A'raj itu ialah orang yang berjalan capek dari Maghribi.

Berlakulah peperangan di antara puak-puak itu selama setahun di mana kemenangannya di pihak Sufyani. Kemudian muncul pula seorang' raja dari negeri Maghribi yang membunuh semua lelaki, menawan perempuan lalu menunggu di bumi Arab untuk memerangi puak Sufyani yang sedang mengalahkan puak Quraisy. Walau bagaimanapun, pihak Raja Maghribi dikalahkan oleh puak Sufyani sehingga habislah harta bendanya dirampas. Pihak Sufyani meneruskan peperangan dengan pihak Rom dan Turki di mana berlakunya berbagai-bagai penganiayaan umpamanya perut perempuan yang mengandung dibelah ,dan kanak-kanak dibunuh. Lelaki-lelaki pihak Quraisy yang melarikan diri ke Turki dituntut secara paksa dan setengah daripada mereka berjaya lari ke Khurasan setelah dipukul dan disiksa di Damsyik.

Di dalam perjalanan memburu saki-baki orang-orang Quraisy itu, angkatan berkuda puak Sufyani membinasakan kota-kota negeri, memasuki kota Baghdad dan membunuh seramai 100,000 jiwa. Apabila memasuki Kufah, mereka membunuh 60,000 jiwa lagi serta menawan kanak-kanak dan

Peperangan kedua ialah memerangi negeri Turki Konstantiniah yang mana Imam Mahdi turut dibantu oleh para auliya'. Ada dua sebab negeri itu diperangi, pertama mungkin ia akan jatuh ke tangan orang kafir pada akhir zaman umpamanya Rusia, kedua, ialah kemungkinan mereka telah keluar dari pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. 7 tahun setelah peperangan itu, barulah keluar dajal laknatullah yang kemudiannya dibunuh oleh Nabi Isa a.s dan Imam Mahdi di Baitul Maqdis.

Pada 1343 H, semasa berada di Madinah penulis (Syeikh Jalaluddin) telah berjumpa dengan seorang soleh dari negeri Turki yang berkata, "Negeri Turki sekarang dalam kacau bilau dalam hal agama, orang-orang muda semuanya keluar dari Ahli Sunnah Wal Jamaah kecuali orang tua yang masih berpegang teguh dengan agama." Pada tahun 1342 H, sewaktu pemerintahan Syarif Husein di Makkah seorang guru yang bersyarah di Masjidil Haram menceritakan kezahiran Imam Mahdi yang akan memerangi Makkah dan Turki. Apabila penulis menanyakan mengapa kedua negeri itu diperangi sedangkan kedua-duanya negeri Islam, ia menjawab, "Barangkali pada akhir zaman, penduduk kedua-dua negeri itu keluar daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah."

Berkata Sohibul Qamus (صاحب القاموس) jatuhnya Konstantaniah oleh pihak muslimin itu adalah satu tanda kiamat. Tinggi kota Konstantiniah itu ialah lebih kurang 21 hasta dan gereja-gerejanya sangat tinggi. Di sini gereja itu terdapat beberapa tiang yang ukur lilitnya 4 depa.

Pada kepala tiang itu ada gambar kuda daripada tembaga yang ditunggang oleh seorang lelaki sambil memegang buah yang bulat dari emas dan sebelah tangan lagi terbuka anak jarinya seperti orang memberi isyarat. Orang itulah

musyrikin pula di tepi Sungai Rokiah yang hitam. Lalu berlakulah perang antara tentera Islam dengan pihak musyrikin. Di dalam peperangan itu terbunuhlah pihak muslimin seramai sepertiga, sepertiga lagi berundur dan tinggallah sepertiga lagi.

Selepas itu tentera Muslimin berpecah kepada 3 puak. Puak pertama ingin terus menyerah dan mengatakan bahawa kalau agama ini ada kegunaan dan kemuliaannya nescaya dibantu oleh Allah. Puak kedua pula tetap yakin bahawa orang-orang Rom tidak akan mengalahkan mereka selama-lamanya lalu menganjurkan supaya melalui kawasan orang Badwi (yang jauh daripada negeri dan kampung) negeri Iraq, Yaman dan Hijaz yang belum dibinasakan oleh tentera Rom. Puak yang ketiga pula menasihati kedua-dua pihak tadi supaya tidak taksub dengan kumpulan masing-masing kerana Allah tidak akan membantu dan menyeru mereka supaya bersatu semula. Akhirnya mereka bergabung semula dengan mengangkat perjanjian perang.

Apabila melihatkan gabungan mereka yang terlalu kecil, bergembiralah Raja Rom lalu diserulah mereka bahawa salib itu boleh memberi bekas. Tetapi pihak Muslimin menafikan kata-kata itu kerana yang memberi kemenangan dan kejayaan itu hanyalah dengan pertolongan Allah dan wali-wali-Nya. Selepas itu dengan kuasa Allah turunlah 200,000 malaikat berserta Mikail dengan pertolongan para auliya'. Dengan azab siksa yang diturunkan juga matilah sebahagian orang kafir dan orang-orang Islam memperolehi kemenangan. Kemudian tentera Muslimin memasuki bandar Rom dan diminta keamanan dengan perjanjian bayaran jizyah oleh orang-orang Rom. Mereka kemudiannya diberikan keamanan.

munafik, sepertiga lagi mati syahid dan sepertiga lagi tiada difitnahkan ke atas mereka selama-lamanya.

Selepas itu puak Rom dan muslimin memerangi Parsi dan menang serta menawan segala kanak-kanak mereka. Kemudian orang Rom meminta harta rampasan lalu diberikan oleh orang muslimin segala harta dan anak-anak kafir Parsi itu. Mereka meminta juga anak-anak kaum muslimin orang Parsi, tetapi tidak diberikan. Ini menggembirakan orang-orang Rom kerana orang-orang Islam telah melanggar janji lama iaitu memberi lebih kepada mereka kerana bilangan mereka lebih ramai, alat perang yang lebih sempurna dan mereka lebih kuat. Lalu mereka pun mengadu kepada Raja Turki dan meminta untuk memerangi orang Islam.Permintaan mereka ditolak oleh Raja Turki kerana orang Islam itu ialah puak yang sentiasa menang dan kuat. Orang-orang Rom itu pun memberitahu Raja Rom, lalu berangkatlah angkatan perang Rom dengan 8 jemaah yang setiapnya mempunyai seramai 12,000 askar melalui jalan laut.

Apabila mereka berhenti berlabuh di pelabuhan Syria, segala kapal-kapal dibakar dan menawan seluruh bumi Syam kecuali bandar Damsyik dan Mu’taq. Apabila melihat orang-orang Syam diperangi Raja Turki pun menyiapkan angkatan perangnya melalui jalan darat iaitu Qansarian dalam negeri Syam lalu bergabung dengan penduduk di situ yang seramai 300,000 kemudian ditambah lagi dengan kekuatan tentera Yaman seramai 1,000 orang dan 40,000 orang bangsa Humair. Dalam peperangan itu orang Islam telah berjaya.

Kemudian orang-orang Yaman dan Humair berhimpun di satu bukii di negeri Syam sementara pihak muslimin lain berkumpul pula di tepi Sungai Ariat sedangkan pihak

Mereka (orang-orang Rom) mendustai orang-orang Islam itu dengan mengatakan bahawa Dajal telah datang untuk merosakkan orang-orang Islam. Sebenarnya mereka mengambil kesempatan menakut-nakutkan orang Islam itu untuk menghapuskan kesemuanya lelaki dan perempuan Muslim dari muka bumi Rom itu. Berita ini telah sampai ke pengetahuan orang-orang Arab Islam di tempat lain. Orang-orang Rom dibunuh sementara perempuan dan kanak-kanaknya ditawan, segala harta dirampas dan seluruh kota Rom ditawan dalam masa tiga hari. Kemenangan ini disambut dengan puji-pujian takbir dan tahlil kepada Allah sehingga ke waktu Subuh tanpa tidur.

Apabila terbir fajar, orang-orang Islam melaungkan takbir dengan suara yang sehabis kuat, lalu runtuhlah kota Rom. Kejadian itu menakjubkan orang-orang Rom di mana akhirnya mereka mengakui bahawa memerangi orang-orang Islam bererti memerangi Allah. Emas dan tawanan dibahagi-bahagikan sehinggakan masing-masing memperolehi 300 orang anak dara. Selepas itu timbullah Dajal sebagai alamat hampir kiamat.

Peperangan ketiga.

Imam Mahdi akan memerangi negeri India dan membunuh semua orang kafir dan orang-orang Islam yang terkeluar dari Ahli Sunnah Wal Jamaah. Di dalam hadis ada menyebutkan bahawa terdapat 72 golongan yang masuk neraka dan mereka inilah yang akan diperangi oleh Imam Mahdi kelak.

Peperangan keempat.

Imam Mahdi akan memerangi semua pendapat bid’ah tersebut walau di mana sekalipun mereka berada.

Peperangan kelima.

Imam Mahdi memerangi puak Sufyani dan segala tenteranya.

Peperangan ke enam.

Memerangi penduduk Bandar Qati'. (قاطع). Bandar Qati' ini terletak di satu daratan yang hijau pada bahagian laut. Panjang bandar itu 1000 batu dan lebarnya 500 batu, mempunyai 360 pintu yang dikawal oleh seramai 1000 askar pada setiapnya. Sewaktu ketibaan Imam Mahdi dengan tenteranya dari Konstantiniah Al Kubra, mereka melaungkan takbir sebanyak 3 kali lalu runtuhlah dinding bandar Qati'. Imam Mahdi dan tenteranya akan memerangi mereka dan membunuh 1,000 000 orang.

Setelah selesai peperangan itu, Imam Mahdi berserta tenteranya menuju ke Baitul Maqdis dengan 1000 buah kapal. Apabila sampai ke bumi Syam Palestin di antara tempat bernama 'Aka (عكا), Shur (صور), Askalan (عسقلان) dan Ghazza (غزة) mereka memperolehi beberapa harta yang banyak dan melimpah-ruah. Imam Mahdi dan tenteranya tiba dan tinggal di Baitul Maqdis sehinggalah keluar Dajal.

Dalam kitab Al Hawi lil Fatawa (الحاوي للفتاوي) terdapat keterangan tentang Imam Mahdi. Berikut adalah terjemahan kitab tersebut yang dipetik dari muka surat 145.

Imam Mahdi lahir di dalam lingkungan tentera seramai 313 orang lelaki iaitu bilangan tentera Badar, bukan secara berjanji untuk bertemu. Mereka itu adalah ruhbanul bil lail,

Kebanyakan pemimpin Islam hari ini bukan sahaja tidak mampu untuk mengamankan negaranya atau harakahnya, rumah tangganya sendiri pun kucar kacir. Demikian juga halnya dengan ulama-ulama kita. Hukum Islam bukan sahaja tidak dijalankan di pejabat atau di qariahnya, dalam rumah sendiri pun tidak berlaku. Saya berkata begitu bukanlan bermaksud hendak mematikan semangat juang pejuang-pejuang Islam hari ini. Jangan pula mereka berkata, “Kalau begitu kita tak pnyah berjuanglah. Sebab kalau berjuang pun tak dapat negara Islam.”

Jihad fisabilillah adalah termasuk perintah Allah dan hukumnya adalah wajib. Jadi setiap umat Islam yang mukallaf wajiblah perjuangkan Islam. Tapi ingat, niat dan matlamat kita menunaikan perintah Allah ialah bukan untuk mendapatkan negara Islam tetapi ialah kerana Allah ada dan untuk mendapat keampunan Allah di padang Mahsyar nanti. Samada berjaya atau tidak, itu tidak menghalang kiia dari terus berjuang. Seseorang yang bila diberitahu hanya Mahdi yang boleh mengembalikan Islam ke seluruh negara dan dunia, bukan kita terus mengambil keputusan untuk pencen dari berjuang, menunjukkan perjuangannya selama. ini bukanlah kerana Allah. Samalah dengan seorang yang sembahyang kerana hendak kaya, tapi bila tidak kaya-kaya juga dia pun malas nak bersembahyang. Orang ini tidak ikhlas namanya.

Tidak boleh juga kita berjuang kerana hendak jadi pengikut lmam Mahdi atau hendak menunggu lmam Mahdi. Nanti kalau lmam Mahdi lambat datangnya, dia pun tidak mahu berjuang lagi. ltupun tidak ikhlas namanya. lmam Mahdi datang ke tak datang ke kita tetap berjuang kerana Allah. Biar kita mati dalam berjihad fisabilillah, moga-moga syahid.

fursan bin nahar (رهبان بالليل وفرسان بالنهار). Ertinya ahli ibadah di waktu **malam, singa-singa** di waktu siang.

Daripada lbnu Masud dia telah berkata apabila telah terputus perdagangan dan segala jalan-jalan dan banyaknya berlaku fitnah akan keluarlah 7 orang ulama daripada beberapa pelusuk dunia **tanpa** janji (mereka saling tidak **kenal** mengenal). Setiap seorang di kalangan mereka akan dibai'ah oleh 300 orang dan beberapa belas orang lelaki. Mereka semuanya akan berhimpun di Makkah. Ketujuh- tujuh orang itu akan **bertemu.** Sesama mereka akan bertanya, mengapa kamu datang? Jawab yang lain, kami mencari (lelaki) orang yang agar di **atas** tangannya fitnah **ini** akan tenang dan Kistantiniah itu akan dibuka. Sesungguhnya kami tahu namanya, nama bapanya, nama ibunya dan tenteranya. 7 orang itu pun sepakat. Mereka pun **sama-sama** mencari. Maka mereka **bertemu** di Makkah.

Demikianlah keterangan **tentang** lmam Mahdi. **Ulama-**ulama telah menghurainya dengan panjang lebar berdasarkan **hadis-hadis** tentangnya. Umat Islam sepatutnya mengambil kenyataan **ini** sebagai satu berita besar dan **menggembira-**kan. Yang penting dan menantinanti agar ianya segera berlaku. Sebab agama Islam dan umat Islam hari **ini** sudah begitu lemah dan hinanya. Maksiat dan mungkar jadi **mainan** dunia. Manusia bertuhankan hawa nafsu dan syaitan. Allah dan Rasul-Nya dibuat **macam** tidak **ada,** atau kalau **ada** pun, **macam** Al Quran buruk sahaja. lman dan ukhwah lslamiah **hancur** bak air batu di bawah matahari terik. Musuh sedang meratah umat Islam bagai memakan makanan dalam satu dulang. Alangkah malangnya! Masakan **kita** tidak sedih melihatkan itu semua! Masakan **kita** tidak **ingin** melihat dunia **ini** kembali **pada tangan** Islam. Di **mana** maksiat dan mungkar **sangat** berkurangan. **Hati** manusia penuh dengan

Iman dan ghairah kembali membangunkan syariat dan Sunnah Rasulullah. Kemewahan merata, harta melimpah-ruah.

Namun manusia berhati zuhud terhadap dunia dan sangat menyintai akhirat. Maka terjadilah kasih sayang yang tulin dan erat antara umat. Dunia aman damai lagi makmur dan mendapat keampunan dan kasih sayang dari Allah. Keadilan merata dan orang kafir pun tunduk pada Islam dengan cara sanggup membayar jizyah. Alangkah indahnya hidup dalam keadaan itu. Segala sistem ekonomi, politik, pelajaran dan pendidikan, ketenteraan dan apa juga, semuanya berjalan mengikut lunas-lunas Islam. Tidak sebagaimana sekarang, ekonomi ribanya menindas, politik demokrasinya kotor, pelajarannya liar, tidak mengarah kepada menegakkan hukum-hukum Allah. Manakala pendidikan membentuk manusia-manusia yang rasuah, sombong, bakhil, tipu, zina, judi, rogol, arak dan 1001 macam mungkar lagi.

Siapa juga yang cintakan kebenaran dan keadilan, sepatutnya rindu menanti kedatangan Imam Mahdi. Hanya dia pemimpin yang mampu, dengan izin Allah, untuk mengganti kejahilan manusia-manusia ini dengan Islam. Sebagaimana mampunya Rasulullah menumbangkan jahiliah untuk digantikan dengan hukum-hukum Allah. Kalau bukan Mahdi, kita tidak ada seorang pun pemimpin dunia kini yang boleh menghentikan peperangan, penindasan dan kezaliman, menumpaskan maksiat, mencetuskan perpaduan, menundukkan orang kafir, menyamakan pembahagian harta, menegakkan hukum Islam, menumbangkan pemerintahan yang zalim, mengujudkan keamanan dan seterusnya untuk menegakkan negara Islam di seluruh dunia.

BARANGKALI ada orang yang menolak peri pentingnya kita mengharapkan kedatangan Imam Mahdi untuk meng-Islamkan kembali dunia ini, dengan alasan bahawa tanpa Imam Mahdi pun, dunia ini boleh di-Islamkan.

"Buat apa menanti dan mengharapkan kepada seseorang yang entah bila datangnya.? Bukankah elok kita sendiri berkerja untuk mencapai apa yang kita inginkan?"

Begitu lebih kurang kata-kata mereka yang merasa mampu untuk Islamkan dunia ini, sekaligus memperkecilkan Imam Mahdi. Maka supaya kita sama-sama mendapat kata sepakat dalam soal ini, mari kita menilai kemampuan dan kelayakan pemimpin harakah Islamiah seluruh dunia kini, untuk mencari kemungkinan adakah mereka dapat menjadi Mujaddid akhir zaman untuk Islamkan kembali dunia ini.

Penilaian ini adalah mencakup seluruh negara Islam di dunia, dengan menumpukan kepada pemimpin Islam yang popular dan yang diakui ramai. Dasar penilaian ini ialah pada

Hakikat penantian Imam Mahdi yang sebenarnya ialah mengharapkan pembelaaan Allah S.W.T. terhadap agamanya yang kita cintai ini. Moga-moga bila Imam Mahdi datang, tegak kembalilah Islam di bumi ini. Perasaan dan harapan itulah yang mendorong kita untuk mendoa, menyebut-nyebut, mengingat-ingat dan bercakap-cakap tentang Imam Mahdi ini.

Ini jugalah yang dibuat oleh Imam Bukhari dalam keluhan rasanya pada Tuhan:

Tuhan,
dada bumi mengharapkan
turunnya tangkisan ghaib dari udara
turunnya tangan kuat
yang kuasa menyapu kegelapan
dan mengangkat kaum-kaum yang lemah di bumi.

Sebab kalau bukan seorang yang benar-benar didatangkan oleh Allah, yang ada berkat dan karamah serta ilmu dan kekuatan yang bertaraf mujtahid dan mujaddid, mustahil rasanya umat ini dapat dipimpin kepada Islam. Maka marilah kita sama-sama mengharapkan lahirnya Imam Mahdi. Jika takdirnya kita dapat bertemunya, maka berikrarlah untuk mengalu-alukan dan memberi bai'ah padanya. Agar kita dapat bersamanya mengembalikan kebenaran dan keadilan di bumi Allah ini.

5. **Tarbiah kesufiannya.**

Adakah seorang pemimpin harakah Islam kini yang berjaya mentarbiah jiwa pengikutnya (sekurang-kurangnya) agar bersih dari segala mazmumah (sifat hati yang keji)? Yang mana dengan jiwa yang sudah suci, ahli-ahli tidak lagi bersifat dengan sifat-sifat thaghut seperti memakan riba, terlibat dengan sistem skular, dedah aurat, cuai sembahyang, bergaul bebas lelaki perempuan ajnabi, hasad dengki, bakhil, tamak, pemarah, dendam dan lain-lain lagi. Mereka bukan saja mampu bertempek ganyang kafir atau ganyang Amerika tapi juga sanggup boikot cara hidup orang kafir.

6. **Kebolehan membina ukhuwah atau perpaduan.**

Adakah terjadi hari ini dalam mana-mana harakah Islam di dunia, seorang pemimpin yang mampu mendidik ahli-ahlinya hingga dapat berukhuwah, berkasih sayang dan saling bantu membantu antara satu sama lain, Hidup mereka bak satu tubuh apabila salah satu anggotanya sakit maka anggota lain pun turut merasa sakit. Misalnya bila seorang ahli ditangkap dan dikurung, maka ahli-ahli lain akan bekerjasama untuk menyara hidup anak isteri yang tinggal. Jadi tidaklah anak isteri terbiar tidak dapat pembelaan dalam hal makan minum dan lain-lain. Maka ahli yang kena tangkap itu pun tidaklah tawar hati dengan perjuangan bila dibebaskan dari tawanan.

7. **Menegakkan masyarakat contoh.**

Di mana ada seorang pemimpin harakah yang berjaya membina masyarakat Islam contoh, di dalam jemaahnya sendiri yang di dalamnya terdapat sistem pendidikan Islam, persuratkhabaran Islam, rancangan pertanian Islam, sistem perubatan Islam, sosial Islam dan sistem pentadbiran (politik) Islam. Dengan contoh ini mudahlah masyarakat Islam mengenal Islam yang kita perjuangkan itu. Barulah masyarakat umum ada sebab untuk menyokong atau tidak menyokong.

kemampuan pemimpin untuk menegakkan hukum-hukum Allah dalam kehidupan masyarakat Islam sedunia di samping kebolehannya untuk menundukkan orang-orang kafir hingga sanggup bayar jiziah. Berikut ialah perkara-perkara yang patut menjadi penilaian kita bersama.

1. **Ilmu.**

Adakah dalam dunia hari ini seorang pemimpin harakah Islam yang ilmunya bertaraf mujtahid?

2. Taqwa.

Adakah di dunia kini seorang pemimpin yang benar-benar bertaqwa: Warak dan zuhud, yang kerana kemuliaan itu Allah mengurniakan kepadanya karomah?

3. Penerimaan orang terhadap kepimpinannya.

Siapakah di dunia hari ini seorang pemimpin yang kepimpinannya diterima oleh semua golongan umat Islam di dunia atau paling tidak diterima di seluruh negaranya?

4. Kesan pendidikannya.

Mana ada di dunia hari ini seorang pemimpin harakah yang dapat mengasuh dan mendidik semua ahlinya (sekurang-kurangnya), supaya jadi manusia bertaqwa.

Ertinya: Ahli-ahli ibadah di malam hari dan singa-singa di siangnya.

Di mana dengan pengikut yang begitu barulah dapat mengulangi kejayaan umat Islam di peperangan Badar; iaitu 313 orang dapat mengalahkan 1000 orang kafir atau seperti tentera Khalid Ibnu Walid, 30,000 orang dapat berhadapan 250,000 orang kafir. Atau seperti tentera Salehuddin Al Ayubi yang (menawan Palestin) tidak dibenarkan pergi perang kalau tidak sembahyang malam atau baca Quran atau puasa siang.

7. ADAKAH PEMIMPIN-PEMIMPIN HARAKAH ISLAMIAH KINI MAMPU MENGISLAMKAN DUNIA?

Bila tiada pembelaan dari Allah maka jadilah makin lama berjuang musuh makin kuat, harakah sendiri makin kelam kabut.

Makin gigih berjuang makin orang benci sebab banyak cakap tapi tidak berbuat. Bukan saja manusia benci malah Allah pun benci, ini berdasarkan firman-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ
كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُوا۟ مَا لَا تَفْعَلُونَ

Maksudnya:

"Hai orang-orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu lakukan. Amat besar kebencian di sisi Allah bila kamu mangatakan apa yang tidak kamu kerjakan." ▪ As Saf: 2 & 3

Bila Allah murka, maka Allah akan biarkan kita pada musuh. Bila musuh nampaknya selalu menang, maka umat Islam akan jadi lebih takut kepada musuh daripada Allah. Keadaan' ini akan terus membuatkan harakah itu makin kucar-kacir dalam kelam kabut. Bila agaknya harakah begini akan dapat mengumpul kekuatan lahir dan batin agar setanding dengan kekuatan musuh, untuk nanti mampu melawan dan menewaskan musuh-musuh itu? Allahu a'lam.

Dengan memerhatikan paling tidak 12 perkara di atas maka dapatlah kita menilai kemampuan pemimpin-pemimpin harakah Islam yang ada di dunia hari ini. Kalaulah perkara-perkara itu tidak ada (sekurang-kurangnya dalam harakah sendiri), apa hujah bahawa mereka boleh membawa Islam ke

negara dari tangan pemerintah. Hingga kerana itu hukum-hukum yang boleh ditegakkan tanpa kuasa polifik pun mereka abaikan. Misalnya sembahyang berjemaah, berakhlak mulia, menutup aurat, kenduri kendara dan nikah kahwin secara Islam, pergaulan lelaki dan perempuan cara Islam, mentadbir rumahtangga secara Islam, membangunkan sistem pelajaran dan pendidikan secara Islam (sekurang-kurangnya untuk ahli yang sudah cinta pada sistem Islam), hospital, pertanian, media cetak, ekonomi, jual beli, perusahaan perkilangan dan selanjutnya sistem politik (pentadbiran) Islam sekurang-kurangnya dalam harakah Islam itu sendiri. Masakan soal-soal hidup harian itu pun terpaksa ditangguhkan kerana menanti dapat kuasa memerintah negara? Apa kata kalau mati sebelum itu, ertinya banyak hukum Allah yang kita tidak sempat buat di dunia ini. Apa hujjah kita bila berjumpa Allah di Padang Mahsyar nanti? Ataukah dirasakan hukum-hukum itu kecil saja. Dosa meninggalkannya tidak besar? Bukankah Rasulullah pernah hendak membakar rumah seorang yang tidak sembahyang jemaah? Atau Rasulullah mengingatkan bahawa siapa yang mendedahkan aurat maka akan dibakar dengan api neraka hingga menggelegak otak kepalanya? Kecilkah hukuman itu? Tahankah kita menanggung azab Allah itu?

Tumpuan pejuang-pejuang hari ini nampaknya pada soal-soal hendak menumbangkan musuh dan hendak tegakkan hukum-hukum Hudud dan Qisas. Kebanyakan syarahan dan slogan mengarah kepada musuh, yakni orang-orang yang di luar harakah yang tidak tegakkan persoalan-persoalan hudud dan qisas terutamanya. Mereka terlupa bahawa diri, keluarga dan harakah sendiri pun belum berada dalam sistem Islam yang sebenarnya. Lebih kurang sama saja dengan orang-orang yang dikatakan musuh tadi. Sudahlah hukum-hukum yang agak peribadi diabaikan, soal-soal pendidikan, ekonomi,

8. Kebajikan ahli.

Adakah pemimpin yang dapat mengatur dan memberi kerja pada ahli sesuai dengan kelayakannya. Agar ahli tidak bersandar dengan jemaah lain atau harakah lain. Ertinya segala tenaga dan pengorbanan adalah 1 00% dihalakan pada perjuangan harakah itu, di samping dapat mencari rezeki yang benar dan sah serta lagi halal. Contoh-contoh kerja yang mungkin disediakan dalam harakah Islamiah ialah mubaligh, guru, doktor, bidan, pengurus dan kerja kilang, kerja-kerja di ladang, berniaga, kerja penerangan dan persuratkhabaran, penternakan dan lain-lain sumber ekonomi yang dibenarkan oleh syariat Islam.

9. Menyelesaikan masalah.

Di mana ada seorang pemimpin yang mampu mentadbirkan harakahnya agar permasalahan ahli seperti soal rumahtangga, ekonomi, perkahwinan, perbalahan dan lain-lain dapat diselesaikan sendiri oleh harakah, tanpa perlu kuasa luar.

10. Keselarasan dan kesefahaman.

Kesamaan antara ‘sesama ahli dalam pandangan dan sikap adalah penting. Sesuatu harakah yang ahlinya berbeza dalam penerimaan penilaian dan tindakan akan menimbulkan ketegangan dan kacau bilau dalam harakah itu. Pembangunan susah hendak dibina, keyakinan pada harakah longgar dan kalau begitu bagaimana untuk menawan dan meng-Islamkan negara atau pun dunia.

Adakah di dunia kini satu harakah yang ahlinya mempunyai fikiran dan pandangan yang selaras dalam menerima hukum hakam, ibadah dalam soal-soal isu semasa dan lain-lain? Selalunya masing-masing ahli ada pandangan dan pendirian sendiri. malah kadang-kadang bercanggah dengan pemimpin-

thaghut. Mereka tegakkan Islam di tengah-tengah masyarakat jahiliah. Mereka lawan musuh dengan melaksanakan Islam, bukan tertempik dan berslogan. Tidak juga marah-marah musuh sebaliknya bila musuh main kasar, di waktu umat Islam belum begitu kuat, Rasulullah semacam mengalah dengan memerintahkan umat Islam bawa diri ke Habsyah (Ethopia) dan berhijrah ke Madinah. Bila bersedia betul dengan tentera dan lain-lain barulah Rasulullah menyahut ajakan perang. Rasulullah tidak suruh orang lain tegakkan Islam, tapi baginda dan para sahabat tegakkan sendiri dalam kumpulan mereka. Bila manusia melihat Islam yang diamalkan itu cantik, maka berduyun-duyunlah mereka masuk dalam jemaah Rasulullah. Hal ini berkembang terus hinggalah umat Islam menawan tiga suku dunia dengan menjadi tuan-tuan di dunia.

Untuk bangkit kembali, Islam perlukan kaedah yang sama. Tapi siapakah orangnya yang boleh melaksanakannya? Kebanyakan pemimpin hari ini memandang kekuatan Islam itu pada kuasa politik, pada ilmu, pada wang ringgit, pada ramai pengikut dan pada kaedah perjuangan yang dilagangkan oleh pihak musuh. Tiada rasanya pemimpin yang menjadikan Iman sebagai asas kekuatan yang utama. Sebab itu kita kekurangan orang-orang seperti orang-orang Rasulullah atau tentera-tentera Khalid Ibnu Walid atau sekurang-kurangnya sebagai tentera-tentera Salehuddin Al Ayubi. Mereka menjadi abid di malam hari dan berjuang bak singa garang di siangnya.

Bila tiada orang-orang yang begini, Islam yang ada hanya berbentuk kata-kata di bibir, tapi tidak pada sikap dan amalan yang diperjuangkan. Dalam keadaan itu dapatkah Islam dan umatnya di seluruh dunia tegak dan kuat kembali? Jika tidak maka bukanlah keterlaluan saya katakan bahawa hanya

KITAB-KITAB RUJUKAN

1. **Al Quranul Karim.**

2. Ihya' Ulumuddin oleh Imam Ghazali.

3. Al Munkizu Minaddhalal
(المنقذ من الضلال)
oleh Imam Ghazali.

4. Arraddhu ila man akhlada ilal ardh
(الرد إلى من أخلد إلى الأرض)
oleh Imam Sayuti.

5. Al Hawi lil Fatawa Juz 2
(الحاوى للفتاوى)
oleh Imam Sayuti.

6. Tanbihul Mughtarrin
(تنبيه المغترين)
oleh Imam Syaarani.

7. Al Qaulul Mukhtasar fi alamatil Mahdi Muntazar
(القول المختصر في علامات المهدي المنتظر)
oleh Ibnu Hajar Al Haitami.

8. Iqduddurar fi akhbaril Muntazar
(عقد الدرر في أخبار المنتظر)
oleh Yusuf bin Yahya bin Ali bin Abdul Aziz Al Muqaddisi As Syafie As Sullami.

9. Al Mahdil Muntazar
(المهدي المنتظر) oleh
Abu Fadhil Abdullah bin Muhammad bin As Siddiq Al Husaini Al Idrisi.

dalam masyarakat yang lebih luas? Sebab menegakkan Islam bukan boleh dibuat dalam masa satu hari. Hukum Allah terutamanya hal-hal ibadah, muamalah dan munakahat bukannya boleh ditegakkan dengan secara paksaan undang-undang. Dia hanya akan berjalan kalau manusia itu mengerjakannya dengan hati yang rela dan fikiran yang terbuka, ingin atau mahu melaksanakannya. Mungkin kalau dipaksa manusia buat juga tapi hanya di waktu dan tempat tertentu dan tidak di waktu dan tempat yang lain.'Kita tentu tidak ingin begitu.

Maknanya hukum-hukum Allah atau peraturan hidup Islam mesti diberikan pada manusia melalui pelajaran, pendidikan, latihan dan contoh-contoh yang baik lagi penuh hikmah dengan mengambil masa yang tidak pendek. Satu masyarakt contoh, yang benar-benar malaksanakan kehidupan sunnah itu mesti diketengahkan pada masyarakat supaya masyarakat dapat menyaksikan dan memikirkan, kemudian menentukan samada mereka ingin mengikutinya atau tidak. Tanpa contoh, dengan apa kita boleh meyakinkan manusia bahawa Islam yang kita perjuangkan adalah cantik, indah menyeluruh dan sesuai dengan semua manusia, di semua tempat dan masa? Kalau setakat bercakap, bersyarah, bettempik berslogan, berseminar, berkertas kerja, rasanya cara yang dibuat oleh penentang Islam adalah lebih meyakinkan. Sebab itu tidak pelik bahawa hingga kini, kita gagal menarik bukan saja orang-orang di luar Islam, umat Islam sendiri pun ramai yang masih prasangka atau tertanya-tanya tentang apa yang kita perjuangkan.

Tapi kebanyakan pemimpin harakah Islamiah hari ini beranggapan bahawa dengan kuasa politik saja, Islam dapat ditegakkan secara syumul dalam masyarakat. Atas dasar itu maka berjuanglah mereka merebut kuasa memerintah

nya sendiri. Maka terjadilah jemaah dalam jemaah, kumpulan dalam kumpulan.

11. Sepatutnya pemimpin harakah Islamiah ialah ulama', yakni orang yang pengetahuan Islamnya tinggi, luas dan menyeluruh. Barulah tindakannya benar-benar berlandaskan kepada Al Quran dan As Sunnah. Tapi hari ini, adakah satu harakah yang berjaya meletakkan ulama'-ulama' sebagai pemimpin atau orang-orang penting? Kalau tidak maka, tentunya harakah itu didokong oleh orang-orang yang petah bercakap tapi mungkin ahli lawak atau kaki pukul dan kaki hentam. Hasilnya ialah pengikut terasa dibakar semangat untuk menentang orang tapi tanpa ilmu hikmah dan kadang-kadang jauh daripada roh Al Quran dan As Sunnah. Ahli-ahli yang sudah biasa dengan cara itu, amat sukar untuk diubah kepada Islam yang ilmiah, praktikal dan penuh dengan akhlak. Mereka hanya suka memandang salah orang dan minta orang tegakkan Islam dalam keadaan mereka sendiri masih belum membuat apa-apa.

12. Pettolongan Allah.

Perjuangan yang hak ialah perjuangan yang dapat melahirkan manusia (masyarakat) yang bertaqwa disamping dapat melemahkan musuh-musuh Allah. Tapi kiranya ciri-ciri taqwa tidak lahir pada umat Islam, maka walau segigih mana pun berjuang, nescaya perjuangan itu tidak mendapat pembelaan dari Allah S.W.T. Ini berdasarkan janji Allah:

وَٱللَّهُ وَلِيُّ ٱلْمُتَّقِينَ

Ertinya:

"Allah pembela kepada orang-orang yang bertaqwa."

Al Jasiah: 18

Imam Mahdi yang boleh membuat kerja ini. Imam Mahdi yang diberi kelayakan dan kemampuan untuk Islamkan kembali dunia ini.

pada mereka, maka begitulah juga kita patut memberi penghormatan, pengharapan dan puji-pujian yang setinggi-tingginya atas peribadi Imam Mahdi.

Lihat bagaimana orang-orang Ansar menyambut ketibaan Rasulullah ke pangkuan mereka di Madinah:

طلع البدر علينا ● من ثنيات الوداع

ورأينا النور يزهو ● فاستنارت في البقاع

وجب الشكر علينا ● ما دعى لله داع

ايها المبعوث فينا ● جئت بالامر المطاع

والسرور والتهاني ● قد أتى يا ذا القناع

انت غوثنا جميعا ● يا مجمل الطباع

perubatan, persuratkhabaran, sosial dan politik pun mereka masih terlibat secara langsung dengan orang-orang yang dicap sebagai musuh tadi.

Kalau ditanya, kenapa tidak tegakkan sistem hidup sendiri, jangan bersandar pada musuh, jawapan mereka ialah kami ditekan, dihalang dan diancam oleh musuh. Di mana-mana juga di dunia pejuang harakah akan memberi jawapan yang sama. Jawapan yang menampakkan kelemahan dan kekalahan mereka sebelum berjuang. Sebenarnya, pejuang Islam mesti ada teknik, strategi, tektik dan kaedah serta 'approach' perjuangan yang penuh hikmah dan bijaksana, yang boleh mengalah dan melemahkan teknik dan strategi musuh. Itulah perjuangan namanya.

Kalau tidak habis-habis kena tekan, kena ancam itu ertinya teknik dan pendekatan sudah salah. Bukan salah musuh tapi salah sendiri, sebab dalam berjuang memang selalunya kita menghadapi musuh yang bijak yang kerjanya hendak kalahkan kita. Kalau dia berjaya itu bukan salah dia. Dia memang betul, yang salah ialah kita.

Cuba lihat kembali bagaimana Rasulullah mengkucar kacirkan puak Quraisy. Lihat bagaimana Rasulullah membuat Yahudi gulung tikar bantal tinggalkan Madinah. Betapa cerdik dan strategiknya Rasulullah. Itulah Sunnah dan kita kalau mahu memperjuangkan Islam sebagaimana Rasulullah perjuangkan, teknik pilihan kita hanya satu, itulah. Tidak yang selainnya.

Rasulullah didik Umar cara berdakwah. Tawan hati manusia dengan akhlak. Hadapi manusia dengan ilmu saikologi dan berbahas dengan hikmah. Rasulullah kucar kacirkan bangsa Quraisy dengan cara. boikot segala sistem

8 PENUTUP

MARI kita doakan agar Mujaddid kurun ke 15 ini dilahirkan untuk kita. Agar Islam dan umatnya dibela untuk kembali menjadi tuan di bumi ini. Agar kita rasai kembali nikmat hidup dalam zaman barakah, yakni kerana berkat kewalian Mujaddid itu, iman kembali kukuh dalam hati-hati manusia, kasih sayang kuat mengikat antara manusia, hingga kerana itu hasad dengki, dendam, sombong, bakhil dan lain-lainnya mazmumah tiada tempat lagi dalam hati-hati manusia. Dalam keadaan begitu majoriti manusia adalah baik-baik belaka, sedikit yang jahat, tidak seperti sekarang, banyak yang jahat dan sedikit sekali yang baik. Di zaman barakah juga Islam akan kembali tegak di tengah manusia dengan umatnya menjadi tuan-tuan di bumi.

Sekarang yang jadi tuan ialah orang Yahudi, orang Kristian, Komunis. Umat Islam bertelut dan berlutut pada musuh-musuh Allah itu. Sebagaimana umat Islam dahulu menunggu-nunggu dengan penuh rindu agar terpancarnya kenabian Muhammad S.A.W maka kita juga patut tertanya-tanya dan berharap-harap akan masa terpancarnya cahaya kewalian dari Mujaddid terakhir ini. Sebagaimana juga mereka memuji-muji dan menyanjung kehadiran Nabi

takdir Allah ini. Janganlah diikutkan rasa hati, hingga menimbulkan rasa tidak senang dengan Imam Mahdi yang ditunggu. Takut kalau-kalau termasuk dalam golongan pembesar-pembesar Bani Israel yang tidak senang dengan Thalut, pemimpin yang ditunjukkan oleh Allah S.W.T. Mereka mengengkari Thalut hingga akhirnya tercampak dalam kebinasaan dunia dan akhirat. (Lihat surah Al Baqarah). Atau takut-takut jadi seperti puak Yahudi yang tidak senang dengan Nabi Muhammad, kerana merasakan Muhammad tidak layak, hingga sebab itu mereka sanggup menolak Islam dan menjadi musuh Allah dunia dan akhirat.

Kita bimbang kalau-kalau kejadian ini berlaku pada umat Islam akhir zaman ini. Rasulullah telah bersabda bahawa antara tanda-tanda Imam Mahdi akan lahir ialah bila orang telah mendustakan Imam Mahdi. Ertinya orang tidak percaya lagi yang Imam Mahdi akan datang ke dunia. Bukan saja orang awam, ulama pun terlibat. Sedih sekali bila menyaksikan kata-kata Rasul telah benar-benar terjadi. Ulama-ulama di Malaysia ini, ramai yang sudah mempertikaikan hadis tentang Imam Mahdi. Katanya hadis itu dhaif atau hadis itu hadis Syiah. Konon mereka tolak hadis Syiah. Tapi bila Syiah dapat Iran, mereka iktiraf pula Syiah. Begitulah sebahagian ulama-ulama kita kini.

Kenapa ulama-ulama kita jadi begitu? Saya rasa berpunca dari keinginan pada kepentingan diri lebih daripada kepentingan menegakkan hak Allah. Sebab itu bila usaha-usahanya tercabar maka dia pun melatah. Sebaliknya bila mendapat sesuatu faedah untuk perjuangan, maka sekali pun perkara itu salah, tetap dibelanya. Hasil daripada sikap ini, kita tidak pelik melihat ada ulama-ulama yang mabuk mengejar kebendaan dan pangkat hingga sanggup menjual ilmunya dan mengampu-ngampu. Golongan ini bukan saja

Telah terbit bulan purnama pada kami.
Daripada jalan yang bernama Wida'i
Dan kami melihat cahayanya bersinar
Lalu cahaya itu menerangkan bumi.
Kami wajiblah mengucapkan syukur
Selama ada orang menyeru ke jalan Allah.
Wahai Rasul yang diutuskan kepada kami
Engkau membawa panduan untuk ditaati.
Dan kesukaan serta kegembiraan telah tiba.
Wahai Nabi yang mempunyai ajaran yang memuaskan.
Engkau penolong kami sekelian
Wahai Nabi yang empunya perangai yang elok.

Imam Mahdi datang bukan membawa bala. Bukan untuk menyusahkan dan tidak untuk menyekat kemajuan dan pembangunan. Kedatangannya semata-mata untuk membangunkan Islam dan umatnya yang tidur sekian lama. Di samping untuk menahan musuh Islam dari terus memijak-mijak agama Allah ini. Sebab itu setiap umat Islam tidak perlu takut dengan Imam Mahdi. Jangan bimbang, prasangka dan lebih-lebih lagi jangan perkecil-kecilkan beliau itu. Jangan pula tidak percaya langsung, takut-takut nanti bila beliau datang kita akan menafikan dan terus menolaknya. Sesiapa yang menolak Imam Mahdi ketika dia sudah lahir bererti orang itu berada di pihak musuh Islam, yakni kafir, wal'iya zubillah.

Imam Mahdi akan memimpin ummah sedunia untuk menegakkan hukum Allah. Beliau akan dibantu oleh Ashabul Kahfi dan akan diteruskan oleh Nabi Isa a.s. Begitulah janji dan ketentuan Allah yang diberitahu melalui lidah nabi-Nya. Kalau adalah pemimpin Islam hari ini yang merasa tercabar dengan khabar ini, mana tahu kalau-kalau selama ini dirasakan dirinyalah yang akan mengembalikan Islam kepada ummah ini, maka hendaklah cuba untuk meredhai

Bukan mudah untuk jadi pengikut Imam Mahdi. Tidak cukup dengan kemampuan bertempik dan mencerca musuh Islam walhal kita pun belum buat apa-apa. Tidak juga dengan hanya buat kertas kerja atau hadir ke majlis kertas kerja, tapi kerja-kerja Islam tidak dibela. Pun tidak setakat beiilmu tinggi bertaraf professor lulusan Islam, tapi ilmunya hanya di kepala, tidak diamalkan. Pengikut atau tentera Imam Mahdi kekuatannya ialah seperti tentera Badar yang mana 313 orang Mukmin mampu mengalahkan 1,000 orang kafir. Mereka yang: (رهبان بالليل وفرسان بالنهار) Menjadi abid-abid di malam hari dan singa-singa di siang hari. Yakni orang yang sembahyangnya beratus rakaat sehari semalam, selalu khatam Quran, berpuasa sekurang-kurangnya 3 hari sebulan, berdoa dan menangis pada Allah mengharapkan keampunan dunia dan akhirat. Mereka ber-korban harta dan tenaga seperti angin tanpa tertahan. Hingga bila ditanya, "Tidakkah engkau takut miskin?" Maka jawapan mereka ialah, "Kami merasa cukup kaya kerana mempunyai Allah dan Rasul."

Cinta pada Allah, rindu pada syurga, gerun pada neraka, syukur pada Allah, sabar dan redha dengan takdir Allah, tawakkal, zuhud, pengasih, tawaduk dan ikhlas adalah bunga-bunga akhlak yang tertanam di hati dan terserlah pada sikap lahir mereka. Itulah tentera Allah (rijalullah). Mereka berani menegakkan hukum Allah, di tengah-tengah kekufuran dan kedurhakaan manusia. Mereka menentang maksiat bukan dengan mulut tapi dengan sikap, yakni melaksanakan Islam itu secara terang-terangan hingga nampak dagang dan terasinglah mereka dari masyarakat sekitarnya. Hingga kerana itu mereka dicemuh, dicaci, dihina, diugut, digertak dan diancam dengan segala bentuk peng-hinaan fitnah dan kesakitan. Namun, bak singa Allah, mereka terus berlompatan untuk mengangkat agama Allah itu

setingginya. Jiwa dan raga mereka korbankan sebagai tebusan pada undang-undang Allah.

Bentuk itulah lahir dari batin tentera-tentera Allah. Itulah kelayakan dan syarat penting untuk jadi pengikut Mujaddid akhir zaman. Hanya dengan tentera-tentera yang begitu Islam akan dapat dibela dan ditegakkan kembali. Tanpa syarat dan kelayakan itu, dengan apa lagi kita boleh menghadapi born atom dan nuklear serta segala kemodenan alat-alat perang musuh-musuh Islam yang sentiasa jaga dan bersedia untuk meratah kita sehancur-hancurnya?

Sekian.